

Jilid II
Bil. 44



Hari Rabu
9hb November, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7625]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1989 [Ruangan 7681]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1989 [Ruangan 7681]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K.,
S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J.
(Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- .. TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 9hb November, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua merr
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANPATHOLOGIST—BILANGAN
JAWATAN**1. Tuan Chew Kam Hoy** minta
Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kekosongan "pathologist" yang wujud pada hari ini mengikut negeri;
- (b) bilangan penuntut yang sedang mengikuti kursus pathologist di universiti-universiti tempatan dari tahun 1980 sehingga 1988; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah kekurangan pathologist.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Kesihatan (Dr Ting Chew Peh):** Tuan
Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini semua jawatan "Pathologist" telah diisi di semua negeri di negara ini.
- (b) Bilangan penuntut yang sedang dan telah mengikuti kursus pathologi di universiti-universiti tempatan bagi tempoh tahun

1980 sehingga 1988 adalah 15 orang.

- (c) Untuk mengatasi kekurangan "Pathologist", Kementerian Kesihatan sentiasa memberi peluang dan menggalakkan doktor-doktor yang berminat mendapatkan latihan di jabatan-jabatan pathologi di hospital-hospital. Kementerian juga memberi hadiah biasiswa latihan kepada doktor-doktor yang layak untuk mengikuti kursus pathologi di universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Sebagai langkah sementara, Kementerian juga melantik pakar-pakar pathologi dari negeri-negeri asing secara kontrak untuk berkhidmat dengan Kementerian.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berapakah pathologists yang sedang berkhidmat di dalam negara kita?

Kedua, daripada yang sedang berkhidmat itu berapakah warganegara asing?

Ketiga, adakah di dalam negara kita ada "forensic pathologists"?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pathologist di negara kita yang sedang berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan ialah 19 orang dan di kalangan 19 orang ini, 2 orang warganegara asing dan juga 2 orang pakar "forensic pathology".

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan. Tidak boleh dinafikan Kementerian Kesihatan di hospital-hospital besar dan hospital-hospital daerah tidak mencukupi pathologists. Ternyata kes racun di Telok Intan di mana beberapa anak-anak sudah mati sebab tidak ada pathologist di sana dan sebab itu ada kelewatan untuk mengesan kes-kes itu. Saya hendak tanya kepada Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan ada minat diadakan satu Department atau Kerusi (Chair) untuk "forensic medicine" di universiti-universiti di negara kita di sini oleh sebab ini boleh atasi masalah kekurangan pathologists dengan memberi galakan kepada doktor-doktor yang sudah dapat ijazah untuk melanjutkan career mereka dengan mengatasi subjek-subjek pathologi?

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada peringkat ini kita tidak ada kekurangan pathologists kerana semua jawatan yang ada telah diisi. Walau bagaimanapun Kementerian Kesihatan ada rancangan untuk menambahkan lagi bilangan pathologists kalau ada keperluan.

PROJEK SISTEM PERKHIDMATAN AUTOMATIK PELANGGAN

2. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menjelaskan:

- (a) selain di Lembah Kelang di manakah tempat-tempat yang telah dicadangkan mulai tahun 1988-1991 untuk pelaksanaan Projek Sistem Perkhidmatan Automatik Pelanggannya (CASS); dan
- (b) tidakkah STM bercadang melantik sebuah lagi Syarikat Pembekal Komputer rangka utama selain daripada Syarikat Talasco Computers untuk menjamin bekalan yang cukup

dan supaya lebih kompetatif dari segi mutu dan harga.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Projek Sistem Perkhidmatan Automatik (CASS) adalah projek perintis Syarikat Telekom Malaysia yang dilaksanakan di Lembah Kelang, di kawasan-kawasan ibusawat Subang Jaya, Kelana Jaya, Sungai Way, Damansara Jaya, Damansara Utama dan juga Taman Tun Dr Ismail. Projek ini didapati memuaskan dan Syarikat Telekom Malaysia sekarang merancang untuk memperluaskan perlaksanaannya ke seluruh negara secara berperingkat-peringkat sehingga akhir tahun 1991.

Berkenaan soalan (b), Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Talasco Computers Sdn. Bhd. adalah pembekal sistem komputer bagi projek CASS. Selain daripada itu Syarikat Telekom Malaysia juga telah melantik Mesiniaga Sdn. Bhd. sebagai pembekal komputer bagi Syarikat Telekom Malaysia. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli dewan ini bahawa pembekal-pembekal tersebut dipilih berdasarkan kepada tender terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Abdullah

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Mohamad bin Abdullah tidak hadir).

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN

4. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) bilangan misi galakan pelaburan yang diketuai oleh beliau sejak beliau dilantik menjadi Menteri

Perdagangan dan Perindustrian dan apakah negara-negara yang pernah dilawatnya;

- (b) jumlah amaun perbelanjaan yang terlibat bagi misi-misi ini;
- (c) apakah hasil positif yang dicapai dari lawatan ini dari sudut membawa lebih banyak pelaburan dan pelancongan di Malaysia; dan
- (d) adakah Kerajaan akan berbuat lebih banyak untuk menggalak pelaburan baik dalam dan luar negeri dengan menaikkan had pengecualian dari pelesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian dari pasar sekarang \$2.5 juta; dengan menyemak dasar Kerajaan mengenai penyertaan ekuiti dan kesannya ke atas perkembangan dan keyakinan pelabur dan dengan memberi lebih banyak kuasa statutori kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk membuat keputusan sebagai sebuah "agensi sehentian".

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat):

Tuan Yang di-Pertua, sejak memegang jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Yang Berhormat Menteri telah mengetuai sebanyak 7 rombongan galakan pelaburan dari Malaysia ke negara-negara seperti Hong Kong, Taiwan, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman Barat, Kuwait, Arab Saudi, Emirates Arab Bersatu, Jepun, Korea Selatan, Belanda, Itali dan Perancis. Perbelanjaan yang terlibat bagi pengendalian rombongan-rombongan ini ialah \$406,000. Lawatan rombongan galakan pelaburan ini telah membawa kesan yang sangat positif kepada pembangunan perindustrian negara kita. Ini dapat dilihat dari segi jumlah projek yang

diluluskan bagi tahun 1987 dan 1988, setakat September. Cadangan jumlah pelaburan asing bagi projek-projek yang diluluskan iaitu untuk tahun 1987, jumlah kelulusan 269 dan jumlah pelaburan \$2.1 ribu juta untuk tahun 1988, setakat September, jumlah kelulusan 413 dan jumlah pelaburan \$3.5 ribu juta.

Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk meminda paras pengecualian dari pelesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian yang ada sekarang iaitu \$2.5 juta kumpulan wang pemegang-pemegang saham dan 75 orang pekerja. Dari statistik permohonan-permohonan untuk mendapatkan Lesen Pengilang dan galakan cukai yang diterima dari bakal-bakal pelaburan dalam dan luar negeri, tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa paras pengecualian ini serta dasar penyertaan ekuiti sekarang mengurangkan minat para pelabur untuk melabur di dalam sektor perkilangan. Malah bilangan projek untuk mendapatkan Lesen Pengilang dan galakan cukai yang diterima dalam 9 bulan pertama tahun ini telah meningkat melebihi sekali ganda berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak 1hb Oktober, tahun lalu, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah pun beroperasi sebagai Pusat Serenti atau Pusat Penyelarasan Pelaburan. Para Pelabur sekarang bolehlah mengemukakan semua permohonan yang memerlukan kelulusan di peringkat Persekutuan hanya kepada MIDA. Permohonan-permohonan ini antara lainnya meliputi permohonan untuk mendapatkan Lesen Pengilang dan insentif, jawatan asing, kelulusan kajian, kesan alam sekitar, iaitu environmental impact assessment, pengecualian dari duti import dan cukai jualan bagi mesin, alat-alat dan

bahan-bahan mentah yang diimport dan kelulusan program-program penyelidikan dan pembangunan serta program-program latihan untuk potongan cukai dua kali.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai misi galakan pelaburan ke negara Taiwan yang diketuai oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Ingin saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang betapa berjayanya mengenai misi galakan pelaburan ke negara Taiwan dari segi modal yang telah dilaburkan dalam negara kita.

Yang kedua ialah mengenai anggota-anggota misi galakan pelaburan, saya juga ingin mendapat tahu berapakah peratusan ahli-ahli rombongan galakan dan pelaburan ke negara-negara yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adalah terdiri dari ahli-ahli perniagaan tempatan, oleh kerana saya berpendapat bahawa adalah lebih berhasil ataupun lebih positif sekiranya dalam memilih anggota-anggota untuk menganggotai misi galakan pelaburan ini terdiri dari pihak swasta yang berkenaan.

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, mengenai misi galakan pelaburan ke Taiwan, di sini saya ingin menyentuh, lawatan itu ialah pada 16hb-22hb Ogos tahun yang lalu dan misi yang kedua, ialah pada 2hb-7hb September tahun ini. Untuk tahun ini, iaitu dari bulan Januari-September, ada permohonan dari Taiwan dan telah diluluskan 76 projek dan pelaburan aisng berjumlah \$501.2 juta. Di sini kita berharap kita boleh dapat peluang bekerja sejumlah 13,361 pekerjaan.

Mengenai soalan yang kedua, memang benar kalau kita pergi melawat ke negara yang lain, kita mesti membawa kebanyakan ahli-ahli dari pihak swasta. Di sini saya tidak ada angka untuk memberi peratusannya, tetapi di sini saya boleh menjamin semua misi-misi adalah terdiri kebanyakannya daripada ahli-ahli perniagaan dari sektor swasta.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 7 misi galakan pelaburan yang diketuai oleh Menteri Perdagangan ini, adakah dianggotai juga oleh wakil-wakil daripada Kerajaan-kerajaan Negeri, sama ada dari pihak Kerajaan Negeri sendiri ataupun daripada pihak dewan perniagaan di peringkat negeri.

Soalan yang kedua, sepertimana yang kita sedia maklum selain daripada misi galakan pelaburan yang diketuai oleh Menteri Perdagangan ini, ada juga misi-misi pelaburan yang diketuai oleh Menteri-menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke luar negeri. Saya ingin tahu bagaimanakah misi-misi ini dapat diselaraskan dari segi mendapat pelaburan daripada luar negeri dan yang keduanya, bagaimanakah pelaburan-pelaburan atau projek-projek yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian diagih-agihkan ke tapak-tapak perindustrian di negeri-negeri di seluruh negara kita?

Dato' Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan soalan yang pertama, memang betul ada wakil-wakil dari negeri dalam misi-misi pelaburan.

Berkaitan soalan yang kedua, ada beberapa kali Menteri Besar atau Ketua Menteri dari negeri-negeri Malaysia mengikuti misi-misi pelaburan ke negara yang lain untuk

cuba menarik pelaburan ke negeri masing-masing. Tetapi di sini saya hendak menitikberatkan iaitu Kementerian saya menggalakkan misi-misi yang menyusuli selepas misi-misi yang asal.

Mengenai soalan yang ketiga adakah Kementerian saya mengagih-agihkan pelaburan asing ke negeri masing-masing, di sini saya hendak menerangkan, pilihan tempat factory atau perkilangan itu semua bergantung kepada pelabur-pelabur, itu kita tidak boleh mengendalikan, kita boleh "suggest" sahaja, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman.

(Soalan No. 5 Y.B Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman tidak hadir)

SEMARAK BAGI KAKITANGAN AWAM

6. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan adakah kakitangan Perkhidmatan Awam bebas dari tekanan politik Barisan Nasional di dalam menjalankan tugas mereka dan juga boleh memilih tidak menghadiri SEMARAK, jika tidak, beri sebab-sebab.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam adalah bebas dari sebarang tekanan politik di dalam menjalankan tugas mereka. Sikap berkecuali yang menjadi amalan dan prinsip perkhidmatan awam telah pun difahami dan diterima oleh semua pihak yang berkenaan. SEMARAK adalah satu acara Kerajaan dan kakitangan Kerajaan yang ditugaskan

atau dipertanggungjawabkan menguruskannya mestilah menjalankan tugas itu sebagai tugas rasmi Kerajaan.

Tuan Hu Sepang: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu antara kakitangan pentadbiran awam, berapa ramaikah dari mereka telah menyertai UMNO baru? *(Ketawa)*

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak ada kaitan dengan soalan asal.

Tuan Teoh Teik Huat: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sama ada beliau sedar bahawa ada kakitangan Kerajaan yang tidak menghadiri SEMARAK telah disoal oleh Ketua Jabatan masing-masing dan juga dipaksa untuk mengeluarkan Sijil Perubatan? Jika ada, apakah tindakan yang diambil terhadap Ketua Jabatan itu?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu dakwaan yang tidak berasas. Kita dalam Kerajaan tidak memaksa kakitangan yang hendak hadir atau tidak di SEMARAK, tetapi yang ditugaskan menjalankan tugas, ini adalah tugas Kerajaan dan harus dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang dijemput yang tidak hadir, bahawa Kerajaan tidak sekali-kali akan mengenakan tekanan ataupun memberikan surat untuk menunjukkan sebab tidak hadir dan ini satu dakwaan yang berat terhadap Kerajaan.

PEMBEDAHAN MAYAT ORANG ISLAM

7. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Perdana Menteri menyatakan mayat-mayat orang-orang Islam yang

mati akibat kemalangan jalan raya/ mati terkejut atau lain-lain sebab mesti dipost-mortem terlebih dahulu sebelum dapat dibawa pulang oleh warisnya. Pada satu ketika dahulu ada ura-ura untuk membuat undang-undang supaya mayat-mayat orang-orang Islam boleh dipercepatkan tanpa membuat penyiasatan terperinci dengan pembedahan luar dan dalam mayat tersebut, tetapi sehingga hari ini didapati pihak waris berkenaan masih susah untuk membawa mayat-mayat pulang oleh sebab perkara post-mortem ini. Bilakah undang-undang akan dikemukakan supaya membolehkan waris-waris simati dapat segera membawa mayat pulang dari hospital setelah disahkan mati itu dan mengapakah undang-undang lambat dilaksanakan untuk orang-orang Islam.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengatasi perkara ini dan telah pun mengadakan satu garis panduan berhubung dengan pembedahan mayat orang-orang Islam pada tahun 1986 yang lalu. Dalam garis panduan tersebut ada dinyatakan sekiranya jenis kematian itu adalah kes positif, maka mayat itu dibenarkan untuk dikebumikan segera. Manakala bagi kes-kes kematian yang diragukan, ianya akan diperiksa oleh doktor dan jika doktor berpuashati atas sesuatu kematian tanpa perlu pembedahan, maka mayat itu bolehlah dibenarkan untuk dikebumikan segera. Sesuatu pembedahan ke atas mayat hanya akan dilakukan bagi kes-kes yang berkaitan dengan jenayah dan kematian yang mencurigakan. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 330 dan 331 Kanun Acara Jenayah. Garispanduan ini telah pun diedarkan kepada semua Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dua perkara

yang timbul dari soalan ini, pertama ialah soal menyimpan mayat buat beberapa ketika dan keduanya soal pembedahan. Soalan yang pertama daripada saya ialah untuk pembedahan itu setelah mengambil kira soal sama ada ia perlu atau tidak, adakah keutamaan diberi kepada keizinan daripada pihak waris simati itu terdahulu daripada yang lain ataupun disebaliknya?

Yang keduanya, terdapat penahanan mayat yang begitu lama walaupun tidak perlu dibedah tetapi begitu lama oleh pihak Mortuary di Hospital Besar, jadi ini menimbulkan kekeliruan. Dapatkah pihak Kementerian memberi penjelasan mengenai penahanan yang begitu lama oleh pihak rumah sakit?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali soalan yang pertama itu, saya telah menjelaskan bahawa kes-kes yang positif sahaja yang perlu dibedah dan pembedahan ini adalah tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh pihak Polis untuk menyelesaikan ataupun untuk memastikan sama ada kes-kes kematian itu adakah diragukan ataupun tidak.

Soalan yang kedua iaitu penahanan mayat yang agak lama di hospital-hospital, memang Kerajaan telah pun mengeluarkan garis panduan, kita telah memberikan 7 perkara yang harus dilakukan oleh hospital-hospital. Pertama sekali urusan pemeriksaan post-mortem bagi mayat diarahkan oleh Kerajaan haruslah disegerakan mengikut Kanun sepertimana yang disebutkan tadi di bawah Seksyen 330 Kanun Acara Jenayah dan pihak Kementerian Kesihatan mestilah memberi keutamaan kepada post-mortem kalau mesti dilakukan post-mortem ini. Insya Allah, saya katakan dengan adanya arahan ini penahanan mayat yang begitu lama yang dianggap tidak baik, yang tidak boleh dilakukan

oleh umat Islam akan dapat diselesaikan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah menjadi kesukaran daripada jawapan Setiausaha Parlimen bahawa mereka yang terlibat dalam kemalangan jalan raya untuk tidak dipostmortemkan kerana apabila mereka membuat tuntutan terhadap syarikat insurans, satu daripada syarat untuk pihak insurans membuat pembayaran ialah pengesahan yang dibuat oleh doktor melalui post-mortem. Jadi kalau ini merupakan satu kemestian yang telah ditetapkan oleh pihak insurans, apakah tindakan Kerajaan selaras dengan dasar supaya mayat-mayat yang terlibat dalam kemalangan jalan raya ini tidak dipostmortemkan kerana kalaulah tidak ada penyelarasan di antara jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen dengan apa yang menjadi amalan oleh syarikat-syarikat insurans, maka ia tentulah akan mendatangkan kerugian kepada pihak-pihak yang terlibat.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Sememangnya ini satu hal yang telah dibincangkan dan memang merupakan satu masalah yang telah berlaku dan yang kemungkinan akan berlaku bagi soal-soal kes yang berkaitan dengan kematian bersabit dengan kemalangan jalan raya ini.

Sememangnya pihak insurans telah berkehendakkan kepada kelulusan ataupun surat jaminan daripada doktor-doktor yang menunjukkan bahawa kematian itu benar-benar berlaku atas kemalangan jalan raya. Satu Jawatankuasa telah pun ditubuhkan dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Kementerian Kesihatan, Peguam Negara, Polis, Bomba dan juga seorang Ahli Parlimen dan juga seorang pakar agama Islam, dan telah kita rundingkan soal ini termasuklah dengan pihak insurans, yang inipun telah kita bincangkan. Inilah soal yang

merumitkan dalam penyelesaian ini kerana pihak insurans berkehendakkan kepada pengesahan yang khusus daripada pihak hospital bagi menjamin bahawa kematian ini adalah benar-benar kematian dari kemalangan, memang kita pun tahu kematian itu adalah disebabkan oleh kemalangan tetapi pihak insurans berkehendakkan jaminan. Ini memanglah merupakan satu masalah dan insya Allah, ini mungkin akan dapat diselesaikan dengan rundingan dengan pihak-pihak insurans yang berkenaan.

ITEMISED TELEPHONE BILLING

8. Dr Chen Man Hin minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan untuk memperkenalkan bil telefon butiran atau "itemised telephone billing" di seluruh negara memandangkan terdapat aduan-aduan yang kronik dan sering tentang bil-bil telefon yang tinggi dan salah oleh pengguna-pengguna telefon yang marah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia sememangnya bercadang untuk memperkenalkan dan menyediakan Sistem Bil Terperinci keseluruh negara secepat mungkin sebagai satu cara untuk mengatasi kesangsian pengguna-pengguna terhadap kesahihan bil-bil telefon.

Pelaksanaan kemudahan keseluruh negara telah dirancang untuk dibuat dalam beberapa peringkat, peringkat pertama yang dilancarkan dalam bulan Ogos, 1987. Kemudahan Sistem Bil Terperinci telah disediakan di 85 daripada 92 ibu sawat di Selangor dan di Wilayah Persekutuan.

Dalam peringkat kedua yang dilancarkan dalam bulan September, 1988 sebanyak 51 dari 120 ibu sawat di

industri kecil. Industri kampung tidak memerlukan misalnya tapak perindustrian dan sebagainya, tetapi yang kita perlukan ialah kuasa elektrik, jalan kampung yang boleh memasarkan barang-barang keluaran penduduk kampung dan kita bekalkan mesin-mesin ini kepada mereka yang kurang bernasib baik, yang tinggal di kawasan luar bandar yang mempunyai kemahiran dan juga tahu seluk-belok pemasaran dan mesin-mesin ini tidak perlulah dibekalkan ke kawasan-kawasan perindustrian sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah pelaksanaan dasar menggalakkan industri kampung ini bertentangan dengan salah satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru iaitu menyusun semula masyarakat supaya kaum-kaum tidak dikenali lagi dengan berasaskan kegiatan ekonomi. Jadi sekarang nampaknya melalui dasar ini orang-orang Melayu dikenali sebagai pengusaha-pengusaha di dalam industri kampung dan kaum-kaum yang lain mengambil bahagian di dalam industri-industri besar yang lebih sophisticated. Nampaknya perbezaan ini akan kekal dan ianya akan menjadi asas pengenalan satu-satu kaum yang tidak dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru kita, atau adakah cadangan supaya nama industri kampung ini diubah kepada satu nama yang lebih sesuai, yang lebih boleh dianggap menyeluruh supaya ianya tidak membezakan dari satu sektor ekonomi dengan satu sektor ekonomi yang lain.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya industri kampung di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar diletakkan di bawah Bahagian Industri Kecil. Bagaimanapun oleh kerana banyak sekali

pemohon-pemohon daripada kawasan bandar memohon untuk mendapatkan mesin-mesin daripada Kementerian maka kita telah menetapkan bahawa mesin-mesin hanya akan dibekalkan ke kawasan-kawasan luar bandar iaitu ke kampung-kampung.

Dan daripada segi projek-projek yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha ini bukan hanya projek kraftangan tetapi ada juga projek-projek makanan dan sebagainya. Dan daripada apa yang telah dapat kita lihat ramai juga mereka yang lulus daripada Institut Kemahiran MARA dan juga graduan-graduan yang menganggur yang menyertai projek ini dan kepada saya projek ini sebenarnya, dengan izin, complementary kepada industri-industri besar yang ada di negara kita. Misalnya di Chega Bedil, Kelantan melalui syarikat pembangunan dan pemasaran industri kampung, kita wujudkan sebuah kilang mengeluarkan chopsticks tetapi kilang ini tidak dapat bekalan buluh yang banyak daripada kawasan yang berdekatan maka buluh-buluh kita bawa daripada Pahang, daripada Terengganu, hatta daripada Kedah dan untuk kita membawa buluh daripada Kedah, daripada Terengganu, daripada Pahang ke Chega Bedil di Kelantan jarak jalannya amat jauh, maka oleh itu kita membekalkan mesin-mesin kecil kepada pengusaha-pengusaha di Pahang, Terengganu dan Kedah supaya mereka boleh memproses buluh-buluh ini dan kita hanya hantar ke Chega Bedil, Kelantan untuk disiapkan ataupun "finishing touches", dengan izin.

Jadi, kepada saya, saya menganggapkan bahawa industri kampung ini adalah satu projek complementary kepada industri-industri besar yang ada di negara kita dan kalau kita hendak katakan bahawa industri kampung ini akan

hanya terhad kepada orang-orang Melayu atau orang kampung sahaja sukalah saya menyatakan bahawa daripada kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian di Kampung Baru Bakri di negeri Johor terdapat 14 orang usahawan yang mengusahakan 14 buah projek industri kecil di kampung baru yang berkenaan. Jadi, projek industri kampung ini tidak terhad kepada orang-orang bumiputra atau penduduk kampung sahaja.

MINI BUS DI SABAH— PERMIT

10. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak mengkaji semula sistem pemberian permit mini bus di Sabah. Adakah Menteri berkenaan sedar sebilangan besar pengusaha dan pemilik permit mini bus di Sabah bukan terdiri dari anak tempatan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan kepada mereka yang menyewa atau mengalibabakan permit mereka.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah yang diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam memang dari masa ke semasa membuat kajian mengenai pemberian semua jenis lesen kenderaan perdagangan termasuk lesen-lesen untuk bas mini di Sabah. Ini adalah untuk memastikan agar pengangkutan awam mencukupi, berjalan licin dan sempurna serta berkembang selaras dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratus bumiputra tempatan yang menceburkan diri dalam bidang ini di Sabah adalah tinggi. Misalnya dalam tahun 1986 sahaja

peratusnya ialah 85%. Kehadiran kaum bukan bumiputra dalam bidang ini kebanyakannya adalah sebagai pekerja sahaja seperti sebagai pemandu dan konduktor.

Menyewakan atau memajakkan lesen kepada pihak-pihak lain adalah dianggap sebagai melanggar syarat-syarat di dalam lesen tersebut. Ini merupakan satu kesalahan yang berat di bawah Seksyen 39, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Pemegang lesen yang melakukan kesalahan tersebut dan jika disabitkan kesalahannya di dalam mahkamah boleh didenda tidak lebih dari \$5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali, di samping lesennya ditarik balik atau dibatalkan. Setakat ini satu lesen bas mini telah dibatalkan manakala 3 lagi telah digantung di Sabah akibat daripada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

PENGEBOMAN IKAN

11. Tuan Madatang Morejal minta Menteri Pertanian menyatakan pendirian Kementerian tersebut terhadap penggunaan "Bom-bom Ikan" oleh sebilangan kecil masyarakat nelayan di Sabah.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah melalui agensinya iaitu Jabatan Perikanan Sabah mengambil berat terhadap masalah pengeboman ikan dan sedang menjuruskan perhatiannya kepada masalah ini. Usaha ini akan diperhebatkan selagi perkara ini wujud.

Jabatan Perikanan Sabah akan bertindak ke atas kesemua yang terlibat dalam usaha pengeboman ikan. Ini termasuk orang yang secara

langsung megebom ikan, penjual ikan bom dan orang yang mengangkut ikan-ikan bom.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk membanteras kegiatan ini termasuk:

- (i) Perondaan di kawasan yang selalu berlakunya pengeboman ikan;
- (ii) Pemeriksaan yang kerap di pasar-pasar ikan, tamu dan tempat-tempat pendaratan ikan, dan juga sekatan jalan raya untuk pemeriksaan atas lori atau kenderaan yang mengangkut ikan.
- (iii) Berusaha dengan agensi berkaitan seperti Polis, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah dalam "Task Force" yang telah diwujudkan dengan tujuan membanteras kegiatan pengeboman ikan.
- (iv) Pendakwaan kes ke mahkamah.

Hasil daripada tindakan di atas sebanyak 29 kes didakwa di mahkamah pada tahun 1987 berbanding dengan 10 kes sehingga bulan Ogos 1988.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kes megebom ikan ini walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan bahawa kerjasama daripada jabatan-jabatan Kerajaan telah diadakan, namun saya rasa kerana saya ini datang daripada kawasan orang yang ada juga megebom, menuba ikan malah ada juga yang menggunakan cara untuk menentukan undang itu menjadi mabuk. Jadi, terkumpul senang menangkap, memang ada. Nampaknya saya rasa bukan kesilapan ini dilakukan oleh para penduduk-penduduk kampung yang berminat dalam pengeboman ikan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalnya apa Yang Berhormat?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kemungkinan besar pegawai-pegawai yang diberitahu tadi, jabatan-jabatan itu juga sebenarnya berminat. Jadi mempunyai satu kompromi dengan orang kampung untuk pergi ke kawasan-kawasan menuba ikan dan sebagainya dan adakah tindakan penyelidikan diambil terhadap mereka ini dan kalau ada apa jenis tindakan terhadap pegawai-pegawai yang melakukannya ini dan apa tindakan pada masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa soalan, janganlah adakah, adakah.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Soalanlah itu, sebab cepat sangat, mungkin Timbalan Yang di-Pertua tidak berapa sangat menangkap. (Ketawa)

Okay, saya soal. Yang pertama, adakah Yang Berhormat sedar bahawa adanya kakitangan Kerajaan terlibat dalam perkara ini.

Kedua, kalau ada, apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Ketiganya kalau

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah, dua sahaja cukup.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Terima kasih.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar ada kakitangan yang terlibat dalam perkara ini oleh sebab ini ialah satu perkara yang haram dan kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak digiatkan dalam usaha-usaha haram.

Jikalau ada kes-kes Yang Berhormat dari Simunjan boleh beritahu Kementerian saya memanglah tindakan boleh dijalankan tentang kakitangan-kakitangan tersebut.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengebom ikan adalah haram. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apabila ada sebilangan orang menggunakan racun untuk membunuh ikan terlebih di dalam kolam air tawar, di sisi undang-undang ini adakah haram atau apa tindakan yang akan diambil oleh Kementerian dan adakah Kementerian menjalankan siasatan terhadap kesihatan manusia.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini lain daripada soalan yang asal.

ASRAMA—PEMBINAAN TERBENGGALAI

12. Tuan Haji Mohamad bin Yaakob minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah sebab atau punca pembinaan asrama selalu terbengkalai sehingga ke hari ini. Berapakah projek yang terbengkalai pembinaannya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pembinaan asrama yang terbengkalai ini biasanya adalah berpunca dari masalah kewangan atau pengurusan yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Setakat ini tiga buah asrama telah tergendala pembinaannya, iaitu dua di Kelantan dan satu di Kedah. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini pihak Jabatan Kerjaraya telah pun mengambil langkah-langkah yang positif dengan membuat tawaran semula bagi menyiapkan asrama-asrama yang berkenaan. Adalah

dijangkakan projek ini akan dapat disiapkan pada awal tahun 1989 nanti.

MATAPELAJARAN KBSM— LATIHAN GURU

13. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah persediaan-persediaan telah cukup diatur termasuk melatih guru-guru di Maktab Perguruan dengan sukatan dan Syllabus KBSM yang akan bermula pada tahun hadapan (1989) supaya tidak berlaku seperti KBSR dahulu di mana apabila rancangan itu dilaksanakan, guru-guru di Maktab masih lagi diajar dan dilatih dengan cara dan sistem yang lama (Bukan KBSR) dan apabila mereka keluar daripada Maktab mereka menghadapi masalah sehingga terpaksa diberi latihan tambahan pada hujung minggu.

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru pelatih di Maktab-maktab Perguruan telah diberi pendedahan, strategi dan teknik pengajaran supaya mereka dapat mengajar mata-matapelajaran KBSM pada tahun 1989 kelak. Malah matapelajaran Pengajian Melayu, Pengajian Inggeris, Pengajian Cina dan Pengajian Tamil telah digunakan sejak tahun 1987 lagi.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada guru-guru yang mengikuti latihan di maktab-maktab yang telah diberikan pendedahan seperti yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu bagaimanakah pendedahan juga, adakah telah sempurna dilakukan kepada guru-guru yang sedang mengajar di sekolah-sekolah terutamanya sekolah-sekolah menengah sendiri kerana apa yang saya dapat tahu sehingga kini masih lagi terdapat percanggahan dari segi kefahaman mereka tentang KBSM ini

terutama sekali tentang istilah bersepadu pun masih ada kekeliruan?

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa usaha kita untuk melaksanakan KBSM ini telah dijalankan dengan cara dua aliran. Pertama di Maktab Perguruan dan keduanya, untuk guru-guru yang sedang berkhidmat, kita mengadakan kursus pengenalan dan kefahaman KBSM di seluruh negara, dan dalam kursus-kursus seperti kursus intensif di maktab-maktab dan juga di institusi-institusi seperti IAB di bawah Kementerian Pendidikan.

TANGKAPAN LAUT DALAM

14. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Pertanian menyatakan semenjak Kerajaan meluluskan lesen Laut Dalam:

- (a) berapa banyak hasil tangkapan telah diperolehi;
- (b) bagaimana angka itu diperolehi; dan
- (c) bagaimana Kementerian mengawal, yang semua hasil tangkapan dibawa dahulu ke pengkalan sebelum dibawa ke luar negara.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) semenjak Kerajaan meluluskan lesen bot laut dalam, hasil tangkapan telah meningkat ke 859,443 tan metrik pada tahun 1987;
- (b) angka ini diperolehi melalui pemerhatian dan pertanyaan oleh kakitangan Jabatan Perikanan di atas bot-bot perikanan yang beroperasi di Malaysia;
- (c) Kementerian telah mengenakan syarat pelesenan di mana semua

hasil tangkapan dibawa ke pengkalan di Malaysia sebelum dibawa ke luar negara. Di samping itu, bot-bot tersebut dikenakan syarat juga supaya melaporkan tentang tarikh berlepas dan balik ke pengkalan dan melaporkan tangkapan yang dibuat. Kegagalan berbuat demikian mungkin melibatkan lesen bot-bot dibatalkan.

JAMBATAN PULAU PINANG— JUMLAH KUTIPAN TOL

15. Tuan Mohammad Subky bin Abdul Raof minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah purata kutipan TOL Jambatan Pulau Pinang dari bulan Januari hingga 15hb September, 1988. Memandangkan kenderaan semakin bertambah menggunakan jambatan tersebut, adakah pihak Kementerian bercadang mengurangkan kadar bayaran TOL itu sebagaimana yang dilakukan kepada pengguna lebuhraya Johor Bahru-Senai.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil kutipan tol di Jambatan Pulau Pinang dari bulan Januari hingga 15hb September, 1988 ialah sebanyak \$18.6 juta. Jumlah purata kutipan tol bulanan ialah sejumlah \$2.2 juta. Jumlah purata tol hariannya pula adalah lebih kurang sejumlah \$72,200.00.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengurang atau menurunkan kadar bayaran tol di Jambatan Pulau Pinang. Ini adalah kerana pungutan purata harian adalah lebih rendah dari yang dijangkakan iaitu sebanyak \$250,000. Selain dari itu, jika kadar tol diturunkan pada masa ini, ia sudah tentu akan menjejaskan hasil pendapatan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang yang menjalankan perkhidmatan Feri

dari Butterworth ke Pulau Pinang dengan teruknya yang juga akan membawa kepada pembuangan kerja sebahagian dari pekerja-pekerja mereka.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum itu saya ingin mengucapkan "Selamat Deepavali" kepada Menteri Kerjaraya. Memandangkan hasil kutipan sepertimana yang diumumkan daripada Januari ke 15hb September, 1988 hanya \$18.6 juta, menunjukkan satu angka yang begitu kecil dan kita tahu kutipan ini sudah barang pasti tidak akan dapat membayar "interest" hasil pinjaman daripada membina Jambatan Pulau Pinang ini. Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah cara dan jalan pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini supaya beban pinjaman untuk membina Jambatan Pulau Pinang itu dapat dikurangkan kerana ianya merupakan beban kepada rakyat juga dari segi jangka panjang?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, di dalam rancangan pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini kita telah mengadakan beberapa kajian. Kajian pertama ialah untuk mengadakan jambatan ini berharga \$850 juta.

Yang kedua, rancangan untuk pembinaan North Coastal Road, satu jalan berharga lebih daripada \$320 juta. Dengan kerja itu, kita boleh juga menebus tanah lebih dari 500 ekar untuk kegunaan Kerajaan. Kerajaan Persekutuan tidak menjalankan projek itu oleh kerana kita tidak dapat kerjasama dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Mereka juga suka mendapat semua tanah iaitu jikalau kita menebus tanah itu, mereka akan ambil. Tetapi duit yang dibelanjakan itu, Kerajaan Persekutuan yang belanjakan. Oleh kerana kita tidak meneruskan projek itu hari ini, kita menghadapi masalah ini iaitu tanpa North Coastal Road

banyak di antara kenderaan-kenderaan suka juga menggunakan Feri oleh kerana mereka percaya dengan menggunakan Feri ia lebih senang masuk ke Pulau Pinang. Saya percaya apabila kita selesaikan masalah North Coastal Road ini yang berharga lebih kurang 320 juta, bilangan kenderaan yang akan menggunakan jambatan ini boleh ditambahkan.

Jadi, saya percaya dalam tempoh lima enam tahun akan datang boleh juga kita menambahkan bilangan kereta. Jikalau kita mengutip sekurang-kurangnya \$250,000 sehari, saya percaya kita juga boleh menurunkan kadar tol dan juga boleh bayar balik hutang yang kita sedia ada sekarang.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping mengucapkan penghargaan setinggi-tingginya kepada Kerajaan Persekutuan atas pembinaan Jambatan Pulau Pinang ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sama ada beliau bersetuju bahawa Kerajaan patutlah pandang Jambatan Pulau Pinang ini sebagai satu kemudahan asas yang penting bagi kegunaan orang ramai, bukan sebagai satu perniagaan untuk mencari untung, dan sekiranya Yang Berhormat bersetuju, sama ada beliau akan terus mengkaji semula dan menurunkan tol Jambatan Pulau Pinang dan satu hari nanti menghapuskan tol sama sekali.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bererti penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang itu tarafnya lebih tinggi daripada orang-orang lain. Jadi, kita tidak boleh memberikan pertimbangan yang khas kepada orang-orang di Pulau Pinang oleh kerana banyak di antara penduduk-penduduk di Semenanjung Tanah Besar yang suka juga menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah diberikan oleh Kerajaan dan mereka membayar kadar tol yang lebih

daripada penduduk-penduduk di negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, mengikut perjanjian di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita sudah menjalankan beberapa projek. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal bahawa sebaik sahaja dan selama saya memegang jawatan sebagai Menteri Kerjaraya, saya sudah berbelanja lebih dari \$2 billion kepada negeri Pulau Pinang, tetapi kita tidak banyak berbelanja sedemikian di negeri-negeri lain. Malahan ada juga negeri-negeri lain yang tidak mempunyai apa-apa kemudahan, tetapi orang-orang di negeri Pulau Pinang walaupun mendapat peruntukan beberapa billion pun masih tidak puas hati.

Saya dengan dukacitanya mengeluarkan perasaan hati saya pada hari ini. Saya sungguh mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Nibong Tebal, kali pertama beliau memberi saya peluang untuk memberitahu apa yang ada di dalam hati saya. (*Ketawa*)

UDA DI PULAU PINANG— PROJEK PEMBANGUNAN

16. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) mengapa terdapat "double standard" di dalam layanannya kepada orang-orang yang terlibat dengan projek-projek Pembangunan UDA di Pulau Pinang, di mana projek Tanjong Tokong, orang-orang yang terlibat telah ditawarkan satu unit rumah pangsa sebagai gantian kepada satu rumah oleh Yang Berhormat Anwar Ibrahim padahal di projek perumahan UDA di Jalan

Bagan Dalam, Butterworth, orang-orang yang terlibat hanya dibayar pampasan lebih kurang \$5,000.00 sahaja.

- (b) yang sama iaitu satu rumah sebagai gantian kepada satu rumah kepada penyewa-penyewa tanah di Jalan Bagan Dalam. Jika tidak, mengapa: dan
- (c) sama ada UDA akan menjadikannya satu dasar iaitu satu rumah ke satu rumah bagi semua mereka yang terlibat dengan projek pembangunannya supaya dapat mengelakkan perbalahan di antara penyewa-penyewa dan pihak UDA.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini:

- (a) Tidak ada terdapat "double standard" di dalam layanan kepada orang-orang yang terlibat dengan projek-projek pembangunan UDA di Pulau Pinang.

Keadaan antara projek pembangunan Bagan Dalam dengan Tanjong Tokong adalah berbeza.

Tanah di Projek Tanjong Tokong adalah diberi oleh Kerajaan kepada UDA dengan harga nominal. Mereka yang terlibat di projek tersebut adalah bekas pemegang TOL dan juga penyewa. UDA memberikan rumah ganti hanya untuk bekas pemegang TOL di kawasan tersebut sahaja dan tidak kepada penyewa, di mana penyewa masih terpaksa membeli rumah pangsa yang disediakan oleh pihak UDA.

Sementara di projek Bagan Dalam, tanah diperolehi melalui Akta Pengambilan

Tanah, 1960, di mana UDA membayar pampasan tanah mengikut harga pasaran dan ia adalah merupakan projek Pasukan Petugas Pulau Pinang, di mana UDA bertindak sebagai agen sahaja. Semua yang terlibat di dalam projek ini adalah penyewa daripada tanah asal, maka pihak UDA hanya memberi gantirugi disebabkan tuan tanah telah dibayar pampasan di bawah Akta Pengambilan Tanah, 1960 berdasarkan harga pasaran.

- (b) Pihak UDA tidak akan menawarkan syarat yang sama iaitu memberikan rumah ganti kepada penyewa di Bagan Dalam, memandangkan tanah diperolehi adalah melalui Akta Pengambilan Tanah 1960, di mana mengikut Akta tersebut, pihak UDA hanya perlu membayar "ex-gratia" sahaja. Nilai pampasan yang dibayar adalah berdasarkan nilai yang dibuat oleh Pejabat Tanah. Di samping bayaran pampasan, pihak UDA juga menyediakan rumah panjang sementara untuk mereka yang terlibat. Mereka juga diberikan keutamaan memohon tanah Kerajaan di Mak Mandin dengan diberikan TOL untuk membina rumah yang baru di sana.
- (c) UDA tidak akan menjadikan suatu dasar bagi menggantikan satu rumah kepada satu rumah kepada mereka yang terlibat dengan pembangunan UDA. Tiap-tiap kes akan dikaji mengikut keadaan dan keperluan pembangunan di sesuatu kawasan dan masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. V. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, masa pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawapan Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 5 dan 17 hingga 33 adalah diberi di bawah ini)

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU— PERBELANJAAN

3. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (i) sehingga sekarang berapa banyakkah peruntukan telah dibelanjakan bagi projek-projek di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Pahang Barat. Adakah projek ini telah mencapai matlamatnya;
- (ii) adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula berhubung dengan kejayaan keseluruhan IADP tersebut. Kalau bercadang bilakah perkara ini akan dilaksanakan?

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (i) Untuk makluman Yang Berhormat, dari permulaan projek pada tahun 1983 sehingga kini sejumlah \$39,826 juta telah pun dibelanjakan dengan pecahan sebanyak \$14.678 juta melalui Kementerian Pertanian dan \$25.148 juta menerusi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (FELCRA). Memandangkan projek ini hanya akan tamat tempoh pelaksanaan fizikalnya pada akhir tahun 1990, maka adalah terlalu awal bagi Kementerian ini untuk menentukan sama ada matlamat projek telah dicapai atau belum. Walau bagaimanapun, pencapaian kemajuan fizikal pada masa ini di tahap 68% (sehingga September, 1988) adalah

seimbang dengan tempoh berlaku projek iaitu di tahap 70%.

- (ii) Memang menjadi amalan Kementerian ini untuk menjalankan kajian penilaian dan juga kajian semula apabila tempoh pelaksanaan projek telah tamat dan bagi Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Pahang Barat ini, tempoh pelaksanaannya dijangka tamat dalam bulan September, 1990. Walaupun begitu, Kementerian sentiasa mengawasi dan mengkaji kekesanan projek dari masa ke semasa. Ini dilakukan menerusi Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Pelaksanaan, lawatan misi Bank Pembangunan Asia, kajian-kajian dan pemeriksaan peruntukan tahunan projek tersebut. Bagi menilai kemajuan separuh penggal projek ini, satu kajian kekesanan/kemiskinan bagi Komponen Skim Pembangunan Kawasan Perintis sedang dijalankan oleh Kementerian yang dijangka siap pada akhir tahun 1988 ini. Satu lagi kajian akan dijalankan pada tahun 1989 bagi tujuan yang sama di atas bagi Komponen Pembangunan Koko dan Buah-Buahan.

PROJEK JALAN KUCHING DISWASTAKAN

5. Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah benar bahawa Tol Jalan Kuching itu telah diswastakan dan menjalankan usaha itu adalah sebuah syarikat bumiputera kepunyaan adik Menteri Kewangan seperti yang disebutkan oleh sebuah majalah bulanan antarabangsa yang

diedarkan meluas di negara ini baru-baru ini.

Dato' S. Samy Vellu: Ya, adalah benar bahawa projek Jalan Raya Kuching telah diswastakan pada bulan April 1985. Untuk makluman Ahli Y.B. juga adalah tidak benar syarikat yang mengendalikan projek tersebut kepunyaan Encik Wahab Zainuddin iaitu adik kepada Menteri Kewangan. Akan tetapi pembinaan projek tersebut adalah dikendalikan oleh Syarikat Seri Angkasa Sdn. Bhd. iaitu gabungan tiga syarikat. Encik Wahab Zainuddin adik Menteri Kewangan adalah pemegang saham yang terkecil disalah satu syarikat gabungan itu. Encik Wahab Zainuddin telah pun melepaskan kepentingannya dalam syarikat tersebut dan juga tidak lagi memegang jawatan sebagai pengarah di dalam Syarikat Seri Angkasa Sdn. Bhd. semenjak 2 Julai 1985.

PINJAMAN KERAJAAN NEGERI KEPADA PERSEKUTUAN

17. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) berapakah jumlah wang pinjaman yang dihutang kepada Kerajaan Persekutuan oleh pihak Kerajaan Negeri, badan-badan berkanun, agensi-agensi Kerajaan dan anak-anak syarikat mereka masing-masing;
- (ii) berapakah jumlah wangnya dari pinjaman tersebut di atas telah menjadi "pinjaman jahat" (bad loan) yang mana bayaran balik tidak dilakukan seperti yang dijadualkan. Sila menyebut nama-nama mereka yang paling tidak "credit-worthy" dan wang pinjaman terlibat; dan
- (iii) apakah langkah-langkah sedang diambil untuk mengutip balik semua pinjaman yang telah "mature"

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

- (i) Jumlah baki pinjaman belum selesai (pinjaman pokok dan faedah dipermodalkan) Kerajaan-kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Kerajaan kepada Kerajaan Persekutuan pada 30hb Jun, 1988 adalah sebanyak \$17,909,219,070.75, dengan pecahan seperti berikut:

Kerajaan-kerajaan Negeri		\$6,818,828,352.95
Agensi-agensi Kerajaan	(a) Badan-badan Berkanun	\$9,506,563,786.31
	(b) Syarikat-syarikat Kerajaan	\$1,583,826,931.49
		<hr/>
		\$17,909,219,070.75

Kerajaan Persekutuan tidak memberi pinjaman secara terus kepada anak-anak syarikat Agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun.

- (ii) Jumlah bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan yang telah tertunggak sehingga 30 Jun, 1988 adalah sebanyak \$1,885,126,956.84.

Kerajaan Persekutuan tidak mengadakan sistem "credit rating" kepada peminjam-peminjamnya seperti yang dilakukan oleh Bank-bank. Dengan itu tidak ada peminjam yang telah dikategorikan sebagai tidak "Credit worthy".

- (iii) Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa tindakan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Kerajaan mematuhi syarat-syarat pembayaran balik

pinjamannya. Tindakan-tindakan untuk mengutip balik semua pinjaman-pinjaman yang matang telah sedang diambil menerusi langkah-langkah berikut:

- (i) Satu unit pengurusan hutang telah ditubuhkan oleh Perbendaharaan Malaysia pada akhir tahun 1985 yang bertujuan untuk mengesan kemajuan semua projek yang dibiayai oleh pinjaman dari Kerajaan Persekutuan serta memastikan pinjaman-pinjaman di bayar balik mengikut jadual yang telah ditetapkan. Notis sentiasa dihantar untuk memberi peringatan kepada peminjam-peminjam agar mereka membayar balik pinjaman-peminjaman yang matang.
- (ii) Kementerian Kewangan telah mengadakan beberapa garis panduan dan surat pekeliling mengenai langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Agensi-agensi peminjam bagi menyelesaikan masalah tunggakan ke atas barangbalik pinjaman-pinjaman yang matang.
- (iii) Mengadakan beberapa siri perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan berkanun dan Syarikat-syarikat Kerajaan yang telah gagal membayar-balik pinjaman mereka mengikut jadual.

LESEN SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN DIBATALKAN

18. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah sebab dan punca beberapa lesen Syarikat Kawalan Keselamatan ditarik balik dan berapa jumlah syarikat itu digantung.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lesen-lesen syarikat-syarikat kawalan keselamatan dibatalkan atau ditarik balik adalah disebabkan mereka tidak mematuhi syarat-syarat yang dikenakan. Antaranya tidak mengemukakan penyata kewangan tahunan, tidak mencarum dalam Kumpulan Wang Simpanan pekerja dan Pertubuhan Kebajikan Sosial ke atas pekerja-pekerjanya, membuka cawangan tanpa kebenaran Kementerian, tidak mendaftar pekerja-pekerja dan pengawal-pengawal kepada pihak polis, menukar saham dan Ahli Lembaga Pengarah tanpa kebenaran Kementerian dan tidak menjalani tapisan keselamatan terhadap pegawai, kakitangan dan pekerja atau pengawal-pengawal mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, sehingga kini sejumlah 22 syarikat yang masih belum diperbaharui atau digantung lesennya kerana tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

SEKOLAH KEBANGSAAN KAMPUNG MANGKASULAP ULU LINGKABAU, SUGUT

19. Tuan Michael Asang minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membina sebuah Sekolah Kebangsaan di Kampung Mangkasulap Ulu Lingkabau, Sugut untuk menyediakan

tempat persekolahan kepada kanak-kanak di Kampung Mangkasulap dan ramai lagi kanak-kanak Nakadong, Kampung Garong, Kampung Tagapalang Lama, Kampung Liigon 1 dan Kampung Sonsogon.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan bagi mendirikan sebuah sekolah kebangsaan di kawasan Kampung Mangkasulap Ulu Lingkabau, Sugut tidak termasuk di dalam senarai cadangan Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990). Walau bagaimanapun Kementerian ini sedang mengkaji keperluan untuk mewujudkan sebuah sekolah bagi menampung keperluan persekolahan di kawasan tersebut untuk dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

CUEPAC—TUNTUTAN KENAIKAN GAJI

20. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan:

- (i) bagaimanakah langkah Kerajaan untuk mengatasi tuntutan kenaikan gaji oleh CUEPACS yang semakin ketara dan mendesak kini;
- (ii) bagaimana pula cara Kerajaan mengatasi masalah ancaman mogok oleh MTUC yang akan dilancarkan secara besar-besaran pada bulan November; dan
- (iii) apakah Kerajaan bersedia membuka peluang pekerjaan, berbanding dengan menaikkan gaji, memandangkan masalah pengangguran (terutama di kalangan siswazah) di negara ini masih belum dapat diatasi. Kalau bersedia apakah rancangan dan persediaannya.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji
Mohamed Noor):**

- (i) mengenai tuntutan kenaikan gaji oleh CUEPACS. Kerajaan telah pun bersetuju memberi pelarasan gaji kepada kakitangan Kerajaan mulai 1-1-89 seperti diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Ucapan Belanjawan di Dewan yang mulia ini pada 21-10-88.
- (ii) Berkenaan soalan kedua, Kerajaan secara tidak rasmi sedar yang MTUC akan melancarkan mogok secara besar-besaran pada bulan November ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa bersedia menghadapi sebarang ancaman mogok pekerja-pekerja.
- (iii) mengenai soalan yang ketiga, segala rancangan pembangunan ekonomi yang dilancarkan oleh Kerajaan seperti rancangan perindustrian dan rancangan pertanian adalah bertujuan bagi membuka peluang pekerjaan kepada rakyat. Masalah pengangguran khususnya di kalangan siswazah adalah akibat daripada beberapa faktor sosial dan sikap di samping kemelesetan ekonomi. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah mengawal keadaan ini dan dengan adanya pemulihan ekonomi, perubahan sikap dan sebagainya kedudukan pengangguran akan menjadi lebih baik.

**MALAYSIA SEBAGAI
DESTINASI PELANCONGAN**

21. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan apakah persediaan yang

lengkap di luar negeri mengenai pengiklanan negara kita kerana ada pelancong-pelancong berkata susah benar hendak mendapat maklumat negara kita melalui surat-surat akhbar dan majalah-majalah di negara-negara lain yang datang kononnya terbaca sedikit sebanyak bila mereka pergi ke "country library" dan masih banyak orang-orang Eropah dan Amerika tidak tahu menahu mengenai Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam memasarkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan di luar negeri, Kementerian melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan aktiviti-aktiviti pemasaran yang menyeluruh bagi pasaran-pasaran berpotensi yang telah dikenalpasti, bagi memastikan bahawa pulangannya adalah sejajar dengan perbelanjaan yang dilakukan. Kempen-kempen pengiklanan, penggalakkan, perhubungan awam dan penyebaran maklumat-maklumat mengenai tarikan-tarikan pelancongan di Malaysia dibuat melalui media letronik seperti radio dan television serta media-media cetak di luar negeri. Dalam hal ini Pejabat PKPM di luar negeri memainkan peranan penting di dalam aktiviti pemasaran ini. Di samping itu juga Kementerian mengendalikan program keraian di mana penulis-penulis rencana, rombongan perfileman television dan pemberita luar negeri di jemput ke Malaysia bagi membuat liputan dari aspek pelancongan.

Sungguhpun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa memang ada masyarakat di negara-negara berkenaan yang tidak mengenali Malaysia kerana kempen-kempen yang dijalankan adalah terhad kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja, kerana peruntukan yang terhad.

RINGGIT MALAYSIA—NILAI

22. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-musabab nilai ringgit Malaysia kini semakin turun berbanding dengan nilai wang asing.

17-11-88

1. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab bagi perbezaan yang semakin ketara antara nilai matawang Ringgit Malaysia dibandingkan dengan matawang Dollar Singapura.

29-11-88

21. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa ringgit Malaysia kian jatuh dari masa ke semasa dan ini dapat dibuktikan dari tukarannya yang begitu rendah dibandingkan dollar Singapura;
- (ii) bersetujukah Menteri berkenaan bahawa kejatuhan nilai matawang itu berlaku sejak sebelum pentadbiran sekarang mengambilalih dari pentadbiran lama pimpinan Tun Hussein Onn. Menteri berkenaan telah tidak terdaya mengatasinya; dan
- (iii) Apakah jaminan yang dapat diberikan kepada Dewan ini bahawa nilai matawang itu tidak merosot lagi dan dapat dipulihkan seberapa segera.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

Di dalam mesyuarat kali ini, saya menerima banyak soalan-soalan berkenaan nilai ringgit. Soalan-soalan ini dikemukakan oleh Ahli-Ahli berikut:

1. Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

2. Yang Berhormat Tuan Gerard Math Lee Min.

3. Yang Berhormat Tuan Tan Kok Wai.

4. Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

5. Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

6. Yang Berhormat Haji Nik Abdullah Arshad.

2. Walaupun soalan-soalan ini berlainan tetapi pada keseluruhannya sama dalam ertikata meminta penerangan berkenaan:

- (a) sebab-sebab nilai ringgit rendah berbanding dengan lain-lain matawang.
- (b) kesan-kesan terhadap ekonomi akibat penurunan nilai ringgit ini.
- (c) apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan nilai ringgit.

Dengan izin saya ingin menjawab kesemua soalan-soalan ini sekali sahaja dalam sesi ini.

3. Semenjak akhir tahun 1987 hingga akhir bulan September 1988 pergerakan nilai ringgit berbanding dengan beberapa matawang utama adalah seperti berikut:

- (a) turun terhadap dollar Amerika Syarikat sebanyak 7.1 peratus.
- (b) turun terhadap dollar Singapura sebanyak 4.6 peratus.
- (c) naik terhadap Pound Sterling sebanyak 3.5 peratus.
- (d) naik terhadap yen Jepun sebanyak 2 peratus.
- (e) naik terhadap deutschmark Jerman sebanyak 10.6 peratus.

4. Nilai ringgit turun semenjak adanya Perjanjian Plaza pada tahun 1985. Di dalam Perjanjian ini negara-negara

perindustrian telah bersetuju untuk membenarkan nilai dollar Amerika Syarikat diturunkan sebagai usaha untuk mengatasi masalah defisit perdagangan Amerika Syarikat yang besar serta lebih akaun semasa imbangan pembayaran Jerman Barat dan Jepun yang besar. Usaha jajaran matawang utama dengan izin "currency realignments" telah mengurangkan nilai dollar Amerika Syarikat dan menaikkan nilai yen Jepun dan deutschmark Jerman Barat dan lain matawang utama. Selepas lebih kurang satu setengah tahun berlakunya jajaran matawang ini negara-negara perindustrian utama telah bersetuju dalam Persetujuan Louvre pada bulan Februari, 1987 untuk menstabilkan matawang utama.

5. Di samping itu keadaan perkembangan ekonomi dunia yang kurang manggalakkan pada tahun 1985 telah membawa kepada kejatuhan harga barangan-barangan utama eksport kita yang mempengaruhi perkembangan ekonomi Malaysia yang hanya mencapai pertumbuhan negatif satu peratus dalam tahun 1985.

6. Oleh itu, kejatuhan nilai ringgit mencerminkan keadaan ekonomi negara yang merosot oleh kerana kejatuhan harga barangan utama di pasaran dunia.

7. Pada keseluruhannya turun dan naik nilai ringgit berbanding dengan nilai matawang tertentu sama ada dollar Singapura baik pun dollar Amerika, yen Jepun, deutschmark Jerman Barat, Pound Sterling dan lain-lain matawang adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor penawaran dan permintaan terhadap ringgit berbanding dengan matawang yang tertentu.

8. Pada asasnya nilai sesuatu matawang adalah bergantung kepada kedudukan ekonomi sesebuah negara

seperti kadar pertumbuhan, imbangan pembayaran, inflasi dan lain-lain lagi.

9. Adalah menjadi kebiasaan bagi nilai-nilai matawang naik turun mengikut perkembangan-perkembangan di pasaran pertukaran matawang antarabangsa. Oleh itu, bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk campurtangan di dalam pasaran antarabangsa. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia hanya bertindak di dalam pasaran wang antarabangsa untuk menentukan keadaan pasaran terhadap ringgit adalah teratur.

10. Kesan turun nilai ringgit dari segi hutang asing ialah beban hutang luar negara bertambah. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membuat pembayaran awal hutang luar negara untuk mengatasi masalah ini. Dengan itu sebanyak \$2,424 juta dan \$2,588 juta daripada hutang luar negeri telah pun dibuat bayaran awal dalam tahun 1987 dan 1988.

11. Nilai ringgit yang rendah sebaliknya juga mempunyai kesan-kesan yang baik terhadap ekonomi negara. Dengan penurunan nilai ringgit daya bersaing eksport barangan Malaysia yang kebanyakannya disebut harga dalam dollar Amerika Syarikat telah meningkat dan ini telah meluaskan peluang eksport negara di pasaran antarabangsa. Penambahan eksport sudah tentulah menambah hasil pengeksporth-pengeksporth dalam bentuk ringgit. Di samping itu penurunan nilai ringgit telah menjadikan import lebih mahal dan menjadi pendorong kepada usaha menggantikan import mesin dan bahan-bahan pengeluaran yang lebih mahal dari Jepun dan negara-negara Eropah dengan keluaran dalam negeri.

12. Untuk mengukuhkan nilai ringgit, kedudukan ekonomi perlulah diperkukuhkan dahulu. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Langkah-langkah fizikal dan kewangan telah berhasil di dalam mengukuhkan imbangan pembayaran negara, meningkatkan pelaburan terutamanya pelaburan-pelaburan asing. Perkembangan-perkembangan ini telah berhasil meningkatkan pertumbuhan ekonomi pada tahun 1987 kepada 5.2 peratus dan dalam tahun 1988 ini prestasi ekonomi adalah lebih baik dari yang dijangkakan.

13. Pada keseluruhannya kedudukan ekonomi negara telah pun pulih dan bertambah kukuh. Dengan ini nilai ringgit juga telah menjadi lebih stabil.

Saya akan membentangkan laporan lengkap berkenaan ekonomi negara di dalam Ucapan Belanjawan saya beberapa hari lagi.

RAKYAT MALAYSIA BERHIJRAH KE NEGARA LAIN

23. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Warganegara Malaysia yang telah berpindah kepada negara-negara asing sebagai PR, khasnya ke Australia dan Kanada pada tahun 1985, 1986 dan 1987. Berapakah jumlah kewangan yang terdapat dipindah dari negara kita kepada negara-negara tersebut pada setiap tahun tersebut; apakah sebab-sebab untuk pemindahan tersebut dan adakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan pemindahan rakyat kita kepada negara-negara lain sebagai contohnya ialah untuk memberi peluang promosi kepada semua pekerja professional di perkhidmatan Kerajaan tanpa mengira kaum; dan
- (b) adakah beliau sedar pemin-dahan rakyat seperti tersebut boleh dianggap sebagai

suatu "brain drain" dan "foreign exchange drain" yang besar yang telah menurunkan bukan sahaja taraf kepakaran dalam sains, teknologi dan perubatan di negara kita, tetapi juga membawa kadar pertukaran kewangan kita ke suatu taraf yang paling rendah dalam sejarah negara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan tidak menyimpan perangkaan mengenai rakyat Malaysia yang berhijrah ke negara lain mahupun yang telah memperolehi taraf Penduduk Tetap (Permanent Resident) negara-negara berkenaan. Malaysia mengamalkan dasar demokrasi dimana seseorang yang mempunyai paspot antarabangsa yang sah boleh melakukan perjalanan ke negeri-negeri yang dibenarkan di dalam dokumen perjalanan berkenaan. Kerajaan tidak bercadang untuk menyekat kebebasan ini. Adalah juga diluar pengetahuan Kerajaan tentang jumlah kewangan yang turut berpindah bersama dengan penghijrahan tersebut.
- (b) Kerajaan termaklum bahawa penghijrahan rakyat ke negara lain boleh menimbulkan perpindahan kepakaran atau kewangan pada waktu-waktu tertentu.

MESIN PERJUDIAN JENIS KUDA

24. Tuan Hu Sepang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak polis dan kastam untuk mengatasi masalah Mesin Perjudian jenis kuda (Computerised Horse Racing Video Games) yang terdapat berselerak di seluruh negara dan sila nyatakan

bagaimana mesin-mesin sedemikian dapat masuk ke negara ini dan mengapakah mereka yang ditangkap bersabitan kesalahan ini hanya didakwa di bawah Akta Loteri dan tidakkah Y. B. dan pihak Kementerian bercadang untuk mendakwa di bawah seksyen yang lebih berat memandangkan yang mereka yang terlibat adalah ahli sindiket haram yang berkemampuan membayar denda di bawah Akta Loteri.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis memang menyedari masalah kegiatan mesin perjudian jenis kuda ini dan telah mengambil tindakan tegas terhadapnya dengan mengadakan operasi-operasi dan serbuan-serbuan di seluruh negara. Dalam tahun 1987 sebanyak 932 serbuan telah dibuat dan 1,093 buah mesin telah dirampas. Dalam tahun 1988 pula, sehingga bulan September sebanyak 2,571 buah mesin telah berjaya dirampas hasil dari 2,326 serbuan yang telah dibuat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, buat masa ini kerajaan berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada di bawah Akta Loteri adalah memadai. Mereka yang memiliki mesin perjudian ini tanpa lesen boleh didenda sehingga \$10,000/- atau penjara sehingga 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

CARUMAN KWSP— PENGELUARAN

25. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memberi kemudahan tambahan kepada pencarum-pencarum KWSP selain daripada kemudahan yang ada sekarang. Adakah kemungkinan untuk membenarkan pencarum-pencarum mengeluarkan wang caruman mereka untuk melanjutkan pelajaran dan

menunaikan fardhu haji akan dilaksanakan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada pertanyaan ini telah pun dijawab pada 2-11-1988, iaitu ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi jawapan tersebut.

PERTUMBUHAN EKONOMI DALAM SEKTOR PERDAGANGAN

26. Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan pencapaian sektor perdagangan dalam tempoh Separuh Penggal Pertama Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), berbanding dengan tempoh yang sama dalam Rancangan Malaysia Keempat, terutama dari segi peranan membantu pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pendapatan tukaran asing.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Secara ringkasnya ingin saya jelaskan di Dewan ini, bahawa sektor perdagangan dalam ertikata perdagangan jualan borong dan runcit adalah merupakan sektor perkhidmatan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya. Pertumbuhan ekonomi yang rendah dalam tempoh Separuh Penggal Pertama Rancangan Malaysia Kelima, akibat dari kejatuhan harga export hampir kesemua barangan utama negara seperti getah, minyak kelapa sawit, petroleum, kayu kayan dan bijih timah telah turut melemahkan perkembangan sektor ini.

Jika kita lihat dari segi pertumbuhan dalam tempoh tersebut, pencapaian

sektor perdagangan telah merosot sedikit iaitu sebanyak 0.03 peratus berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 6.9 peratus bagi tempoh yang sama dalam Rancangan Malaysia Keempat. Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dalam tahun 1988 serta prospek yang baik dalam tahun 1989-90, sektor ini dijangka akan berkembang pada kadar 8.2 peratus bagi tempoh Separuh Penggal Kedua RML.

Dari segi mengwujudkan peluang pekerjaan pula, sektor ini dijangka dapat menambah peluang pekerjaan di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga akhir tempoh Separuh Penggal Pertama Rancangan Malaysia Kelima, sektor perdagangan dijangka akan dapat menampung sejumlah 1,087,500 pekerjaan atau 17.9 peratus dari jumlah kesemua pekerjaan yang terdapat di Malaysia. Pencapaian ini adalah lebih besar jika dibandingkan dengan sejumlah 829,800 pekerjaan yang telah dicapai atau 15.3 peratus dari jumlah kesemua pekerjaan yang terdapat sehingga akhir tempoh yang sama di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Manakala dari segi pendapatan tukaran wang asing, sektor ini tidak banyak membawa pertukaran wang asing kerana ia lebih merupakan "domestic oriented". Bagaimanapun, sekiranya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah pendapatan tukaran asing dari segi perdagangan luar, jumlah pendapatan bersih setelah ditolak bayaran import bagi barang-barang dan perkhidmatan dijangka mempunyai *lebih* sebanyak \$9,300 juta bagi tempoh Separuh Penggal Pertama Rancangan Malaysia Kelima berbanding dengan *kurangan* sebanyak lebih kurang \$22,000 juta bagi tempoh yang sama dalam Rancangan Malaysia Keempat.

STATUS NIC—KOMEN PENSYARAH UNIVERSITI

27. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pendidikan memberi penjelasan apakah benar Kerajaan mengeluarkan arahan rasmi kepada Pensyarah-pensyarah Universiti memberi ulasan atau komen mengenai "status NIC"; jika benar, apakah sebab-sebabnya.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar Kementerian telah mengeluarkan arahan rasmi tersebut.

KAD PENGENALAN PALSU

28. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa apakah tindakan yang konkrit yang akan dibuat oleh kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri Sabah atas usaha mengatasi masalah pemalsuan kad pengenalan, pengedaran wang palsu, pembunuhan dan perompakan yang kini berleluasa di negeri itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mencegah masalah-masalah tersebut di Sabah. Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

(a) *Masalah pemalsuan kad pengenalan*

Dari masa ke semasa Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Polis Diraja Malaysia membuat siasatan dan tangkapan ke atas mereka yang disyaki terlibat serta mendakwa mereka di bawah undang-undang yang berkuatkuasa sekarang. Kerajaan juga akan memperkenalkan sistem Kad Pengenalan baru yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan sukar dipalsukan.

(b) *Masalah pendedaran wang palsu*

Usaha-usaha telah diambil untuk memperketatkan lagi pemeriksaan bagi mengesan penyeludupan dan pendedaran wang palsu. Di samping itu langkah-langkah juga diambil untuk mengemaskinikan sistem maklumat bagi memudahkan pengesanan terhadap percetakan wang palsu.

(c) *Masalah pembunuhan dan perompakan*

Kerajaan telah mengambil berbagai tindakan seperti berikut:

- (i) meningkatkan rondaan di kawasan yang seringkali berlakunya jenayah;
- (ii) membuat pemeriksaan-pemeriksaan mengejut di tempat-tempat yang disyaki menjadi sarang penjenayah;
- (iii) mengadakan operasi khas dari masa ke masa di kawasan yang tinggi kadar jenayah;
- (iv) melakukan serbuan di tempat-tempat yang diketahui menjadi perlindungan penjenayah;
- (v) mendapatkan kerjasama orang ramai dengan mempamerkan gambar-gambar penjenayah di balai-balai polis serta akhbar-akhbar dengan tujuan supaya orang ramai mengenali mereka dan seterusnya memberikan maklumat mengenai penjenayah-penjenayah tersebut.

PELABURAN ASING

29. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan:

- (1) jumlah anggaran pelaburan-pelaburan luar yang sampai masa ini dilaburkan di Malaysia bagi tahun-tahun 1984, 1985, 1986, 1987 dan pelaburan luar yang sebenar bagi tahun-tahun tersebut;
- (2) jumlah pelaburan-pelaburan tempatan bagi tahun 1984, 1985, 1986, 1987, 1988.

Dato' Kok Wee Kiat:

- (1) Jumlah anggaran pelaburan asing yang dicadangkan dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan bagi tempoh tahun 1984 sehingga 1987 adalah sebanyak \$5,425.3 juta. Taburan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan	Anggaran Pelaburan Asing Yang Dicapadangkan (\$ Juta)
1984	749	718.1
1985	625	959.3
1986	447	1,687.9
1987	333	2,060.0
Jumlah	2,154	5,425.3

Berdasarkan pada kajian yang telah dijalankan oleh pihak MIDA ke atas kemajuan peringkat pelaksanaan projek-projek itu, daripada sejumlah 2,154 projek-projek perkilangan yang mendapat kelulusan, sebanyak 852 projek telah beroperasi pada 30-6-88 dengan anggaran pelaburan asing yang dicadangkan sebanyak \$1,546.6 juta. Sementara, sebanyak 890 projek adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan dengan jumlah anggaran pelaburan asing yang dicadangkan sebanyak \$3,062.7 juta.

- (2) Jumlah anggaran pelaburan tempatan yang dicadangkan bagi

tempoh tahun 1984 hingga September, 1988 adalah sebanyak \$16,661.7 juta. Taburan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan	Anggaran Pelaburan Tempatan Yang Dicadangkan (\$ Juta)
1984 ..	749	3,083.1
1985 ..	625	4,727.6
1986 ..	447	3,475.3
1987 ..	333	1,873.9
1988 (Jan- Sept.)*	509	3,501.8
Jumlah ..	2,663	16,661.7

* Perangkaan Awal

PENCEN DAN GRATUITY BEKAS KETUA HAKIM NEGARA

30. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kehakiman menyatakan adakah bekas hakim negara Y. B. Tun Mohamad Salleh Abas diberikan pencen dan "gratuity" dan lain-lain faedah yang bersesuaian dengan jawatannya. Sila senaraikan, jika ada.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Soalan ini telah pun dijawab pada 10hb Oktober, 1988 dan tidak ada apa-apa tambahan lagi.

DASAR KERAJAAN—PEGAWAI YANG MENENTANG

31. Tuan Haji Mohd. Yusof bin Haji Abdul Latib minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap orang-orang yang secara lantang menentang dasar-dasar Kerajaan, sedangkan mereka itu adalah kakitangan Kerajaan yang dibayar gaji oleh Kerajaan yang sepatutnya melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Mengikut rekod yang

ada, sehingga kini tidak terdapat pegawai-pegawai awam yang menentang dasar-dasar Kerajaan yang boleh diambil tindakan. Sekiranya ada maka tindakan tatatertib boleh diambil mengikut kesalahan-kesalahan yang dibuktikan.

PENDATANG HARAM DI SABAH—PENEMPATAN

32. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada Kementerian beliau bercadang mengadakan satu kawasan yang serupa dengan Pulau Bidong, di Sabah di mana semua orang pelarian dan pendatang haram akan ditempatkan agar gerak-geri mereka dalam negeri ini dapat dikawal; dan
- (ii) jika tidak, mengapa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Ingin dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa segala urusan yang berkaitan dengan pendatang haram di Sabah adalah dikendalikan oleh Bahagian Penempatan, Jabatan Ketua Menteri Sabah. Oleh yang demikian terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Sabah sama ada untuk mendirikan satu kawasan yang serupa dengan Pulau Bidong ataupun tidak.

PENGGAMBARAN FILEM DEADLY DECISION

33. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab mengapa pihak Kerajaan enggan membenarkan penggambaran perfileman di dalam negara ini tayangan televisyen yang bertajuk "Deadly Decision", suatu rekod peristiwa mengenai cerita warganegara Australia Kevin John Barlow dan Brian Geoffrey Chambers yang telah digantung pada bulan Julai

1986 di Malaysia oleh kerana mengedar dadah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Keputusan Kerajaan tidak membenarkan penggambaran filem tayangan televisyen di negara ini bertajuk "Deadly Decision" mengenai cerita warganegara Australia Kevin John Barlow dan Brian Geoffrey Chambers yang telah dihukum gantung kerana mengedar dadah, adalah dibuat atas alasan bahawa pengeluaran filem tersebut boleh menimbulkan gambaran yang tidak diingini kepada imej negara.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1989

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1989

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,878,873,740 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1989, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud

Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1989 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1988, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (4hb November, 1988).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau (Saratok): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, hendak apa?

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Saya hendak bercakap, mungkin saya boleh menyambung untuk membahaskan Belanjawan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh Yang Berhormat, sekarang masa Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri.

3.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas dasar-dasar am belanjawan. Perbahasan-perbahasan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut sama ada merupakan pandangan, teguran atau syor-syor terhadap beberapa perkara di bawah Jabatan Perdana Menteri, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Bakri, Pasir Mas, Marang, Bukit Mas, Bachok dan Siputeh telah menyentuh beberapa aspek berkaitan dengan pelaksanaan dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu tertumpu kepada rasa tidak puas hati mereka berhubung dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam konteks pencapaian bagi kumpulan-kumpulan sasaran menjelang tahun 1990.

Untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya menjawab persoalan-persoalan tersebut secara keseluruhannya.

- (i) Dari segi strategi membasmi kemiskinan, Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya untuk memastikan bahawa faedah daripada program-programnya dinikmati oleh semua kaum. Ini terbukti dari kadar kemiskinan di kalangan semua kaum yang menurun dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Untuk makluman, data-data awal menunjukkan bahawa kadar kemiskinan pada tahun 1987 di kalangan kaum Melayu adalah kira-kira 24%, Cina 7% dan India 10%. Dari segi bilangan, jumlah isirumah miskin Melayu adalah dianggarkan sebanyak 394,000, Cina 61,000 dan India 27,000. Keadaan kemiskinan di bandar juga telah bertambah baik dan bukti-bukti menunjukkan kaum bukan bumiputera telah sama-sama menikmati banyak faedah daripada usaha-usaha pembangunan bandar.
- (ii) Beberapa program dalam bidang pertanian telah menunjukkan bahawa bukan

bumiputera turut menikmati berbagai faedah, malah dalam beberapa program melebihi daripada kaum bumiputera. Sebagai contoh, nilai perkapita yang diterima oleh orang-orang Cina di bawah program bantuan tanam semula RISDA bagi tempoh 1970-1984 adalah sebanyak \$7,100 berbanding dengan \$3,400 yang diterima oleh kaum Melayu. Nilai perkapita subsidi harga padi dalam tahun-tahun 1981-1982 yang diterima oleh orang-orang Cina adalah sebanyak \$1,700 iaitu melebihi nilai yang diterima oleh orang-orang Melayu sebanyak \$746 sahaja.

- (iii) Adalah tidak benar Kerajaan telah mengabaikan penduduk-penduduk kampung-kampung baru. Di bawah RME, sejumlah \$25 juta dan RML sebanyak \$7 juta telah diberi untuk memajukan kampung-kampung baru. Berasaskan peruntukan RML, setiap kampung baru memperolehi peruntukan sebanyak \$15,350 berbanding dengan kampung tradisional yang hanya mendapat \$2,985 sahaja. Dalam pada itu, harus diingat bahawa kebanyakan kampung-kampung baru terletak berhampiran atau di dalam kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran dan ini membolehkan penduduk-penduduk kampung-kampung baru mendapat lebih banyak peluang ekonomi dan pendapatan secara lebih luas berbanding dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional bumiputera. Di samping itu, analisa mengenai corak pekerjaan penduduk-penduduk kampung-kampung

baru jelas menunjukkan bahawa mereka terlibat dengan berbagai kategori pekerjaan, sedangkan penduduk-penduduk di kampung-kampung tradisional terlibat dalam bidang pertanian sahaja. Berhubung dengan soal tanah di kampung-kampung baru, Ahli Yang Berhormat harus sedar bahawa kawasan-kawasan Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran mempunyai kawasan tanah yang terhad. Namun begitu, penduduk-penduduk kampung baru telah dan sedang menikmati milik tanah memandangkan kebanyakan tanah-tanah kediaman telah pun diberi milik dan diberi lesen tempangan sementara (TOL).

- (iv) Berkenaan soal pencapaian Bumiputera dalam sektor korporat, dukacita saya memberi maklum bahawa Ahli Yang Berhormat bagi Bakri sebagai ahli dalam sebuah parti komponen Barisan Nasional telah mempersoalkan kesahihan kandungan dokumen Kerajaan. Saya ingin menegaskan bahawa semua angka-angka mengenai hakmilik adalah berdasarkan perkiraan yang sah dan profesional. Dengan itu, dakwaan bahawa pihak Kerajaan atau birokrat merendahkan anggaran pemilikan ekuiti Bumiputera di dalam dokumen Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima adalah sangat tidak timbul. Begitu juga soal kaum Bumiputera telah mencapai lebih 30% dalam sektor-sektor tertentu tidak seharusnya berbangkit.

Mengikut perkiraan terakhir yang dibuat, bahagian hakmilik Bumiputera dalam sektor korporat hanya mencapai kira-kira 19% sahaja masa kini.

- (v) Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa penyelewengan pelaksanaan DEB melibatkan kurang kepercayaan pelabur-pelabur tempatan serta pengaliran keluar modal negara ke luar negeri adalah juga tidak benar. Masalah kejatuhan pelaburan, khususnya pelaburan swasta sebenarnya berkait rapat dengan kesan-kesan kemelesetan ekonomi yang menyebabkan para pelabur mengambil tindakan-tindakan penyesuaian secara rasional dan penuh berhati-hati. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, sejak akhir-akhir ini jumlah pelaburan asing ke negara ini telah pun meningkat dengan begitu menggalakkan.
- (vi) Mengenai isu-isu yang dikatakan penyelewengan DEB oleh pihak birokrasi seperti soal "double standard", pemberian saham-saham murah dan lesen-lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil Bumiputera, sikap pelaksana-pelaksana yang terlalu gigih dan sebagainya, Ahli Yang Berhormat haruslah menilai kesemuanya dalam perspektif yang sebenar. Harus disedari bahawa kebanyakan strategi DEB dirangka dan dilaksanakan atas kesedaran dan penerimaan semua pihak bahawa masyarakat Bumiputera adalah masih jauh ketinggalan berbanding dengan bukan Bumiputera

dan dari itu, mereka memerlukan beberapa bantuan yang berbentuk "concessional".

- (vii) Masalah kesukaran yang dihadapi oleh masyarakat perniagaan Bumiputera sejak akhir-akhir ini adalah satu realiti yang mesti dihadapi oleh individu-individu yang terlibat. Bagi pihak Kerajaan, beberapa tindakan pujukan telah pun dibuat supaya pihak-pihak institusi kewangan tidak bertindak begitu "drastic" terhadap pengusaha-pengusaha Bumiputera, khasnya yang baru muncul. Kepada masyarakat perniagaan Bumiputera, Kerajaan ingin berseru supaya mereka menganggap kesukaran ini sebagai satu peluang positif untuk lebih memperkukuhkan cara-cara pengendalian dan pengurusan perniagaan mereka.

DEB telah dilaksanakan hampir 18 tahun dan dalam tempoh tersebut banyak kejayaan telah pun dicapai di samping beberapa kelemahan yang dipelajari. Kesan kemelesetan ekonomi baru-baru ini, khasnya jelas menunjukkan bahawa DEB hanya dapat dilaksanakan dalam konteks ekonomi yang berkembang. Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan pragmatik bagi memulihkan pertumbuhan ekonomi termasuk dengan cara mengubahsuai beberapa strategi DEB khasnya strategi penyusunan semula pemilikan ekuiti sektor syarikat. Langkah-langkah ini telah pun dinyatakan dengan jelas dan pihak pelabur telah memberi sambutan yang meyakinkan pihak Kerajaan.

Berhubung dengan kedudukan dan masa depan DEB yang akan tamat pada penghujung tahun 1990, seperti

yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan bahawa di peringkat ini kerja-kerja mengkaji prestasi dasar tersebut sedang giat dijalankan. Dari segi falsafahnya pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan terus merupakan teras utama bagi dasar baru selepas 1990.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, bangun.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hanya mendapat beberapa penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri oleh kerana perkara ini penting. Pertama saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri apabila disebut kadar kemiskinan orang-orang Melayu khususnya di luar bandar iaitu 24%, saya tahu cara manakah statistik ini diperolehi. Apakah garis pendapatan yang dikira bagi satu-satu keluarga yang miskin. Apakah masih digunakan tahap \$350 sepeertimana yang dibuat oleh Bangsa-bangsa Bersatu? Ini penting sebab kita dapati walaupun memang benar sedikit sebanyak ada pembangunan asas di luar bandar tetapi kita lihat lopak kemiskinan masih lagi bersisik di kalangan masyarakat luar bandar iaitu orang-orang Melayu.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan pencapaian dalam bidang korporat oleh kaum Bumiputera yang dikatakan 19%. Daripada jumlah 19% itu berapakah yang dipegang oleh pemegang amanah seperti institusi dan sebagainya yang dibentuk oleh Kerajaan dan berapa banyakkah

individu, walaupun pencapaian itu ianya tidak memberi gambaran dari segi pendapatan benar rakyat terbanyak di negara kita ini terutamanya orang-orang Melayu.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan penyusunan semula ekuiti dalam DEB, saya kira ini pada pandangan saya perkara yang paling menyayat hati kerana ekuiti yang ditetapkan dalam DEB 30% itu merupakan senjata keramat yang harus dilakukan sesudah tragedi berdarah 13hb Mei dahulu. Dan harapan kita di sinilah jalan untuk meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi. Tetapi DEB ini disusun dari segi ekuiti untuk membawa pelabur. Tetapi nampaknya walaupun kata Yang Berhormat pelabur-pelabur datang, sebagaimana yang diumumkan tadi, tetapi saya tidaklah tahu, Tuan Yang di-Pertua, sebab lazimnya apabila saya lihat pelabur datang kalau amalan-amalan dahulu, banyak sangat tengok Menteri ketika itu membuka kilang sana, kilang di sini dan pengangguran pun tidaklah begitu ketara. Jadi itu sahajalah beberapa persoalan yang saya bangkitkan untuk mendapatkan penjelasan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya memberi penjelasan ringkas sahaja mengenai dengan perkara yang pertama. Kadar kemiskinan yang dibuat penentuannya adalah berdasarkan kepada keseluruhan. Sebab tentulah ia berbeza keadaannya di bandar dan kalau di luar bandar kadar kemiskinan tentulah berasaskan kepada rate ataupun kadar yang berlainan. Tetapi penentuan yang dibuat oleh Kerajaan ini ialah setelah mengambil kira secara keseluruhannya keadaan di bandar dan juga keadaan di luar bandar. Kalau sekiranya Yang Berhormat inginnya secara terperinci saya rasa boleh dihantar kemudian.

Mengenai dengan perkara yang kedua dan ketiga, tentulah ianya memerlukan kepada angka-angka. Dan yang ketiga itu cuma merupakan statement sahaja, jadi tidak perlu diulas dan saya mengambil ingatan. Ini adalah merupakan perkara yang boleh dijelaskan bila-bila diperlukan sekalipun tidak sempat disebut secara keseluruhannya dalam kertas ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi falsafah mengenai dengan pembasmian kemiskinan yang saya sebutkan tadi, penyusunan semula masyarakat akan terus merupakan teras utama bagi dasar baru selepas 1990. Ini adalah kerana masalah ketidakseimbangan ekonomi antara kaum terus wujud dan sekiranya masalah ini dapat diselesaikan maka perpaduan antara kaum akan dapat dipertahankan. Pandangan-pandangan dari semua pihak termasuk parti-parti politik, kumpulan-kumpulan profesional, pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan telah dan akan dipertimbangkan semasa merangka alternatif dasar tersebut selepas 1990.

Ahli-ahli Dewan ini juga akan berpeluang membincangkan dasar baru tersebut

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bangun.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sila.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa pandangan-pandangan daripada parti-parti politik dan pertubuhan-pertubuhan yang lain

termasuk individu-individu yang berminat diberi peluang untuk menyampaikan pandangan-pandangan dan cadangan mereka untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan sebelum pihak Kerajaan mengambil keputusan untuk mengadakan satu dasar yang baru menggantikan DEB ini.

Di sini suka saya bertanya Menteri yang berkenaan mengapakah pihak Kerajaan tidak bercadang mengadakan satu Jawatankuasa Pemilihan Khas Parlimen untuk mendapatkan pandangan-pandangan daripada orang ramai termasuk pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan agar satu laporan dapat dibentang ke Parlimen ini untuk membolehkan Wakil-wakil Rakyat membincangkan perkara ini oleh kerana masalah ini adalah sangat penting demi kepentingan negara.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengucapkan terima kasih di atas segala cadangan-cadangan yang baik, tetapi di dalam melaksanakan sesuatu cadangan yang baik itu Kerajaan sentiasa memikirkan yang lebih baik lagi. Misalnya bila Kerajaan memikirkan tentang hasrat untuk membela masyarakat atau untuk menyusun semula masyarakat, maka sudah tentu Kerajaan tidak mementingkan tentang struktur, tetapi lebih mementingkan pencapaian sesuatu usaha. Oleh kerana itu Kerajaan berpendapat bahawa apa yang saya sebutkan tadi adalah dipandang lebih sesuai dan lebih boleh menjamin mencapai tujuan yang dihasratkan oleh semua termasuk oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, walaupun tidak di peringkat ini dipersetujui atau ditimbangkan penubuhan Jawatankuasa tetapi kita yakin bahawa usaha yang dibuat akan mencapai perkara yang lebih baik daripada itu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya merujuk kepada dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Bakri mengenai pelaksanaan Dasar Penswastaan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan pelaksanaan Dasar Penswastaan sekarang hanya menguntungkan satu kaum sahaja adalah tidak benar sama sekali. Kita perlu menilai pelaksanaan Dasar Penswastaan secara keseluruhan dan mengukur penyertaan kaum dalam penswastaan dari segi yang lebih luas dan tidak dari segi ekuiti sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek penswastaan seperti bekalan air Labuan dan penyenggaraan perigi tiub merupakan sebahagian daripada projek-projek penswastaan yang mana pihak-pihak yang menerima faedah adalah bukan bumiputera. Begitu juga dalam hal penswastaan melalui penjualan saham kepada orang ramai seperti MAS dan MISC, semua kaum telah diberi peluang untuk membeli saham syarikat tersebut. Sehubungan dengan ini juga, penjualan saham syarikat Sistem Televisyen Malaysia Sendirian Berhad yang dibuat kepada orang ramai juga telah dibuka kepada semua kaum dan tiada alasan bagi mengatakan penswastaan Stesen Televisyen Persendirian tersebut hanya dibuka kepada satu kaum sahaja. Sebenarnya pelaksanaan Dasar Penswastaan yang dibuat sekarang adalah mengambil perhatian kehendak-kehendak DEB dan Perlembagaan dengan mengambil kira kepentingan semua kaum, bukan sahaja dari segi ekuiti malah juga dari segi pengurusan, kakitangan dan sebagainya.

Kerajaan merasa sukacita bila mendengar bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang memberi gambaran bahawa DAP menyumbang ke arah perpaduan negara. Hendaknya kata-kata itu sentiasalah dikotakan. Tetapi mengapa

pula Ahli Yang Berhormat berkenaan menyatakan yang dasar-dasar Kerajaan tidak berupaya untuk menyumbang ke arah perpaduan? Tidakkah Dasar-dasar Negara yang telah digubal oleh Kerajaan itu mempunyai matlamat yang khusus, iaitu bagi menyatupadukan rakyat di negara ini?

Rakyat jelata umumnya menerima dan memperakui bahawa dasar-dasar itu, seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Bahasa dan Dasar Pendidikan Negara telah menyumbangkan secara berkesan kepada perpaduan negara.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa mendakwa bahawa Jabatan Perpaduan Negara yang telah ditubuhkan semenjak 18 tahun dahulu adalah tidak berkesan kerana tahap perpaduan rakyat semakin merosot. Ahli Yang Berhormat yang berkenaan berhak memberi pandangan sendiri. Tetapi Kerajaan tidak bersetuju dengan pendapat beliau itu kerana adalah tidak benar menyatakan bahawa tahap perpaduan rakyat kini semakin merosot. Mungkin dari semasa ke semasa berbangkit masalah-masalah di kalangan golongan-golongan tertentu di negara ini, tetapi itu adalah perkara biasa yang sering juga berlaku di negara-negara yang lain. Ianya tidak boleh ditafsirkan sebagai membawa kepada kemerosotan perpaduan nasional.

Dengan wujudnya Jabatan Perpaduan Negara, sedikit sebanyak telah memberi kesan yang positif terhadap iklim hubungan antara kaum di negara ini. Segala aktiviti penggalakan perpaduan serta aspek pengesanan hubungan antara kaum yang dijalankan oleh Jabatan ini telah menyumbang ke arah berkurangnya konflik antara kaum ke arah membentuk sebuah negara yang lebih stabil. Contohnya ialah bahawa selepas peristiwa 13 Mei, 1969, tidak lagi berbangkit konflik perkauman

yang serius di negara ini. Ianya dapat dibendung atau dicegah dari berlakunya, dengan daya-usaha Kerajaan yang sentiasa meletakkan perpaduan nasional sebagai objektif utama dalam apa jua dasar-dasar penting negara ini.

Jadi kita perlu bertanya kepada diri kita sendiri apakah lagi sumbangan yang perlu kita beri bagi memupukkan lagi perpaduan nasional. Parti-parti Pembangkang misalnya hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan bagi mencapai objektif ini. Jika perkara-perkara sensitif sering dibangkitkan dan diperbesar-besarkan oleh pihak-pihak tertentu ini sememangnya akan menjejaskan perpaduan dan kestabilan negara.

Ahli Yang Berhormat itu seterusnya bertanyakan apakah peranan Jabatan Perpaduan Negara di dalam mengelakkan perpecahan kaum Melayu dan menyatakan kegagalan Jabatan Perpaduan Negara menyatupadukan Team A dan Team B dalam UMNO, dan dengan demikian, apakah kemampuannya dalam menyatupadukan dalam seluruh negara?

Saya suka jelaskan bahawa peranan Jabatan Perpaduan Negara khususnya ialah untuk menggalakkan perhubungan muhibah antara kaum serta memupuk perpaduan dan integrasi nasional. Ini dapat membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu yang mempunyai keperibadian dan identitinya sendiri, dengan warganegaranya menumpukan taatsetia kepada Raja dan Negara serta sentiasa berbangga sebagai rakyat Malaysia.

Jadi dalam melaksanakan tugasnya untuk membantu memupuk perpaduan rakyat, sudah tentulah Jabatan Perpaduan Negara juga terlibat dalam

aspek perpaduan sesama kaum, termasuk orang-orang Melayu. Tetapi ini tidaklah bermakna kaum Melayu, sama juga seperti kaum-kaum yang lain, harus mempunyai pendirian politik yang sama dan menyokong satu parti politik sahaja. Mereka bebas di bawah Perlembagaan untuk menyokong mana-mana parti politik dan mengambil pendirian politik yang tertentu asalkan tidak mengancam keselamatan negara. Oleh yang demikian, Jabatan Perpaduan Negara tidaklah mengambil peranan secara langsung dalam perselisihan di antara apa yang dikatakan Team A dan Team B di dalam UMNO walaupun Jabatan Perpaduan Negara peka terhadap perkembangan-perkembangan di dalamnya.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor menyarankan supaya Jabatan Perpaduan Negara mengesyorkan satu "Dress Code" bagi rakyat Malaysia untuk meningkatkan perasaan persaudaraan sesama rakyat. Suka saya menyatakan bahawa negara ini mempunyai rakyat berbagai latar belakang sosio-budayanya sendiri. Sebagai sebuah negara yang demokratik adalah bebas bagi rakyat untuk memakai apa jua pakaian yang disukai oleh mereka asalkan pakaian itu tidak melanggar kesopanan keagamaan serta kesusilaan. Ada lagi unsur-unsur lain yang boleh meningkatkan semangat persaudaraan, misalnya mengamalkan sifat-sifat kewarganegaraan yang tinggi serta berbaik-baik sangka antara satu sama lain sambil mengamalkan nilai-nilai murni sejagat, iaitu nilai-nilai yang sama yang terdapat di kalangan keturunan-keturunan yang berlainan di negara ini. Ini semua boleh menuju kepada meningkatkan lagi semangat perpaduan dan cara-cara yang lebih bermakna dan berkesan daripada mengeluarkan satu "Dress Code" bagi seluruh rakyat Malaysia.

Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan Pengkalan Chepa menyentuh

mengenai tujuan pelarasan gaji perkhidmatan awam. Di sini ingin saya jelaskan bahawa asas utama Kerajaan dalam menimbangkan pelarasan gaji kepada kakitangan Kerajaan ialah kemampuan kewangan Kerajaan. Kerajaan sedar bahawa sebahagian besar kakitangan Kerajaan telah menunggu lebihkurang 8 tahun untuk mendapat pelarasan gaji yang telah diumumkan baru-baru ini. Ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kemelesetan ekonomi yang telah melanda negara kita menyebabkan kedudukan kewangan Kerajaan tidak dapat menampung tambahan perbelanjaan yang diperlukan bagi pelarasan gaji lebih awal.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Kerajaan juga sedar bahawa pelarasan gaji yang telah diberi kepada kakitangan Kerajaan tidak mengimbuhkan sepenuhnya kerosotan nilai sebenar pendapat pekerja-pekerja awam berdasarkan indeks harga pengguna, tetapi Kerajaan tidak pernah memberi pelarasan gaji berdasarkan sebanyak mana indeks harga pengguna meningkat.

Kuantum pelarasan yang telah diberi kepada kakitangan Kerajaan adalah setakat yang termampu oleh Kerajaan pada masa ini. Pelarasan ini telah diberi bukan kerana Kerajaan meragui prestasi kakitangan Kerajaan yang menurun ataupun kerana kakitangan Kerajaan tidak senang dengan pimpinan yang ada. Prestasi kakitangan Kerajaan tidak terjejas disebabkan kelambatan Kerajaan memberi pelarasan gaji.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah membangkitkan bahawa kenaikan gaji yang telah diumumkan oleh Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan adalah tidak perlu dibanggakan. Di sini ingin saya

jelaskan bahawa Kerajaan memang sedar bahawa di dalam Memorandum pihak pekerja yang telah dikemukakan pada akhir tahun 1984, selain daripada tuntutan pelarasan gaji yang telah ditimbang dan diluluskan oleh Kerajaan baru-baru ini, pihak pekerja telah juga membuat beberapa tuntutan yang lain. Semua tuntutan-tuntutan yang lain itu telah juga dibincangkan dengan pihak pekerja dan akan terus dibincangkan dalam Jawatankuasa Bersama yang telah ditubuhkan untuk mendapat penyelesaian yang adil kepada kedua-dua belah pihak. Pelarasan gaji adalah perkara pokok dan melibatkan peruntukan kewangan yang besar, oleh sebab itulah diberi perhatian utama.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Hulu Selangor menganggap bahawa pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah bersara tidak akan mendapat apa-apa faedah ekoran dari kenaikan gaji kakitangan awam di bawah kategori A, B dan C yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pada masa ini. Anggapan ini adalah yang tidak benar, kerana Akta Penyelarasan Pencen 1980 telah memperuntukkan supaya pencen-pencen pesara juga diselaraskan apabila Kerajaan menaikkan gaji kakitangan yang sedang berkhidmat. Oleh yang demikian pesara-pesara yang menerima pencen akan juga mendapat faedah daripada pelarasan gaji yang baharu diumumkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor membangkitkan kedudukan pentadbir dalam Jabatan-jabatan Teknikal. Sebenarnya mereka adalah sebagai penyelaras dan pengurus dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan pentadbiran kewangan dan kakitangan. Manakala kerja-kerja teknikal adalah terserah kepada tenaga-tenaga mahir dalam bidang berkaitan. Kedua-dua kumpulan pekerja ini sama-sama diperlukan oleh

organisasi berkenaan. Kerajaan juga dari semasa ke semasa memberikan perhatian yang serius untuk memperbaiki aspek-aspek perkhidmatan pekerja teknikal ini. Pada keseluruhannya, Kerajaan berpendapat bahawa untuk memajukan sesebuah organisasi teknikal, maka sumbangan pentadbir dan pekerja yang mempunyai kemahiran adalah sama-sama penting dan mustahak.

Ahli Yang Berhormat juga menegur mengenai pengambilan dan kenaikan pangkat kakitangan Kerajaan. Peruntukan Perintah Am Bab "A"—Lantikan dan Kenaikan Pangkat 1973, dengan jelas menggariskan dasar dan peraturan yang digunakan oleh Kerajaan dalam urusan pengambilan dan kenaikan pangkat kakitangan Kerajaan. Kekosongan sebarang jawatan termasuk jawatan Tentera dan Polis adalah terbuka kepada semua warganegara yang layak untuk memohonnya. Pengisian jawatan hendaklah diasaskan kepada kebolehan, pengalaman, kelayakan akademik dan kebolehan menguasai Bahasa Malaysia. Prestasi dalam temuduga juga memainkan peranan penting dalam urusan pengambilan. Hakikat ini menunjukkan bahawa setiap kaum di negara ini mempunyai peluang yang sama untuk mengisi sebarang jawatan yang diiklankan. Kedudukan yang sama juga adalah dipakai berhubung dengan pengisian di peringkat daerah dan negeri. Berhubung dengan kenaikan pangkat pula, prinsip yang digunakan ialah berdasarkan kepada kekosongan jawatan. Semua kakitangan tidak kira bangsa hendaklah bersaing antara satu sama lain untuk mengisi jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang kosong.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Marudu dan Simunjan telah menyentuh soal pengangguran dan peranan Kerajaan dalam perwujudan

Kem Tahanan Kamunting yang dikatakan menghina tahanan-tahanan kerana meminta mereka menyanyi lagu Negaraku, melafazkan ikrar Rukunegara. Mengenai ini, suka saya menjelaskan bahawa Pegawai-pegawai Pemulihan di Unit Pemulihan Kem Kamunting ada melaksanakan program pemulihan untuk orang-orang tahanan. Dalam program ini orang-orang tahanan diminta menyanyi lagu Negaraku dan melafazkan ikrar Rukunegara. Aktiviti ini dijalankan secara sukarela; orang-orang tahanan yang tidak mahu menyertai ini tidak diperlukan hadir. Adalah tidak wajar dianggap permintaan menyanyi lagu Negaraku, melafazkan ikrar Rukunegara sebagai menghina orang tahanan kerana permintaan sedemikian juga dilakukan di tempat-tempat yang lain juga.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga menegur tentang penglibatan Pegawai-pegawai Pemulihan dalam menapis semua buku, majalah, suratkhbar dan surat-surat yang dikirimkan kepada orang-orang tahanan. Mengenai ini, dimaklumkan bahawa Pegawai-pegawai Pemulihan tidak lagi melakukan perbuatan tersebut. Tugas penapisan sekarang ini dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Penjara sahaja.

Yang Berhormat dari bukit Bintang juga menyentuh mengenai peranan Pegawai-pegawai Pemulihan. Untuk makluman Yang Berhormat, peranan dan tugas pegawai-pegawai di Unit Pemulihan tersebut telah ditetapkan sesuai dengan objektif-objektif Bahagian Pemulihan, Kementerian Dalam Negeri. Mereka menjalankan program-program mengikut jadual. Pegawai-pegawai di Unit Pemulihan adalah pegawai yang berpengalaman. Mereka faham bahawa dalam menjalankan program-program pemulihan ini, mereka tidak seharusnya menggunakan kekerasan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, Yang Berhormat dari Tawau dan Yang Berhormat dari Semporna telah menyentuh kedudukan keselamatan di negeri Sabah. Saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa walaupun terdapat peningkatan jenayah di negeri Sabah dalam tahun 1987 berbanding dengan tahun 1986, tetapi keadaan keselamatan adalah terkawal dengan adanya usaha-usaha dan langkah-langkah keselamatan yang telah dan sedang diambil oleh Pasukan Keselamatan.

Usaha-usaha untuk membanteras kejadian jenayah di negeri Sabah ini telah pun dipertingkatkan dari masa ke semasa. Prestasi Pasukan Keselamatan khususnya Pasukan Polis telah dipertingkatkan dengan merancang strategi dan beberapa taktik untuk mengesan penjenayah-penjenayah. Pasukan Polis Merin dengan dibantu oleh Unit Udara sentiasa menjalankan rondaan di kawasan-kawasan perairan untuk mencegah lanun-lanun dari mengganggu. Di samping itu di daratan Pasukan Polis Tugas Am dengan dibantu oleh Pasukan Polis Hutan sentiasa berkerjasama untuk mengurangkan jenayah yang dilakukan. Untuk menguatkan Pasukan Polis di Sabah, 2 batalion Pasukan Polis lagi akan dihantar ke Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, usaha bersungguh-sungguh Pasukan Keselamatan kita telah mendatangkan hasil. Jenayah telah mula berkurangan di Sabah. Sukalah saya mengumumkan di sini bahawa indeks jenayah bagi tahun ini sehingga bulan September telah turun sebanyak 12% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas. Indeks jenayah kekerasan pada tahun ini (hingga September) ialah 496 kes. Walaupun meningkat 11 kes berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas, tetapi bilangan kes

jenayah harta-benda telah turun kepada 2,704 dalam tahun 1988 berbanding dengan 3,129 dalam tempoh yang sama dalam tahun 1987. Mengenai penglibatan orang asing dalam jenayah juga telah berkurangan di mana dalam tahun lepas 2,282 orang asing terlibat dengan berbagai jenayah sedangkan 743 orang sahaja yang melakukan jenayah pada tahun ini sehingga September 1988.

Sungguhpun indeks jenayah ini telah berkurangan, Kementerian Dalam Negeri belum berpuashati di atas prestasi yang telah dicapai. Jenayah-jenayah jenis kekerasan seperti samun, samun berkawan bersenjata atau tanpa senjata nampaknya masih meningkat. Perkara ini tidaklah boleh dipandang ringan dan langkah-langkah sewajarnya akan terus diambil untuk mengurangkannya.

Saya suka memberi jaminan bahawa keadaan keselamatan di Sabah pada keseluruhannya adalah terkawal dan penduduk di Sabah masih boleh menjalankan aktiviti harian mereka seperti bekerja, mencari nafkah, bersiar-siar dan sebagainya dengan aman damai. Kerajaan akan berusaha dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa ketenteraman awam di Sabah dapat terus dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat dari Seremban telah menyentuh mengenai kebebasan akhbar. Di sini suka saya menjelaskan bahawa pembatalan permit penerbitan *WATAN*, *The STAR* dan *SIN CHEW JIT POH* pada bulan Oktober tahun lepas dibuat di atas kepentingan keselamatan negara. Pada ketika itu akhbar-akhbar tersebut menonjolkan berita-berita dan rencana-rencana yang membakar perasaan perkauman dengan mengeksploitasikan isu-isu sensitif seperti isu pelajaran, bahasa, agama dan hak-hak kaum-kaum tertentu tanpa menghiraukan langsung

kesannya ke atas keharmonian kaum, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Pembatalan permit-permit tersebut adalah demi melindungi rakyat dari gejala-gejala rusuhan kaum.

Dalam tempoh pembatalan penerbitan-penerbitan tersebut, kebebasan bersuara berterusan kerana akhbar-akhbar lain seperti *Utusan Melayu*, *Utusan Malaysia*, *New Straits Times*, *Harakah*, *Roket*, *Aliran* akhbar-akhbar Tamil dan beberapa akhbar lain lagi dibenar disebar untuk bacaan umum. Hakikatnya bukanlah sepertimana anggapan Yang Berhormat.

Suka saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa *Utusan Melayu* dan *Utusan Malaysia* tidak dibatal permit-permit mereka bukan kerana ada unsur-unsur pilih kasih, akan tetapi berita-berita akhbar itu didapati tidak keterlaluan sehingga memudaratkan ketenteraman awam, sungguhpun rencana-rencana mereka lantang mengkritik.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar sama sekali pembatalan permit penerbitan *Watan*, *The Star* dan *Sin Chew Jit Poh* dibuat semata-mata kerana rencana-rencana Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra, yang mengkritik Kerajaan. Sepertimana yang saya baru katakan tadi bahawa pembatalan itu berasas kepada alasan keselamatan negara.

Dakwaan bahawa selepas ketiga-tiga akhbar diterbitkan semula, pihak-pihak tersebut tidak lagi berani menyuarakan rasa tidak puas hati atau mengkritik Kerajaan dan pemimpin-pemimpinnya adalah tidak benar. Akhbar-akhbar tersebut seperti *Watan* dan *Mingguan Kota* terus menyiarkan kritikan dari pihak-pihak yang tidak senang dengan pemerintahan sekarang. Akhbar-akhbar lain termasuk *Harakah* dan *Roket* turut

juga mengecam pemerintahan sekarang, yang ditohmahkan berlagak seperti diktator dan menindas demokrasi. Adalah ditegaskan bahawa semasa ketiga-tiga akhbar itu dibenarkan menerbitkan semula, Kerajaan tidak mengenakan sebarang syarat. Kerajaan cuma meminta para akhbar menyiarkan berita-berita dengan penuh bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa bersikap liberal dengan akhbar-akhbar dan tiada halangan terhadap kebebasan bersuara. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan diwujudkan semata-mata demi mencegah penerbitan atau pemberitaan yang tidak bertanggungjawab dan tidak peka kepada ciri-ciri masyarakat majmuk dan kepentingan-kepentingan ketenteraman dan keselamatan. Kerajaan akan sentiasa mengutamakan kestabilan negara dan kepentingan masyarakat umum lebih dari matlamat-matlamat para akhbar yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Marang mencadangkan supaya diadakan siasatan untuk mengharamkan Darul Arqam. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dari segi undang-undang Darul Arqam bukanlah sebuah pertubuhan kerana Darul Arqam tidak pernah berdaftar di Pendaftaran Pertubuhan malah tidak pernah memohon untuk didaftarkan. Dengan sebab itu tindakan mengharamnya tidak timbul dari kacamata Kementerian Dalam Negeri. Darul Arqam yang kita kenali adalah sebuah badan dakwah adalah di bawah bidangkuasa Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Dengan sebab itu Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negerilah yang berkuasa untuk mengeluarkan fatwa untuk mengharamkan mana-mana badan dakwah. Bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri adalah sentiasa

mengawasi dan meneliti mana-mana badan termasuk Badan-badan Dakwah yang boleh mengancam keselamatan negara, perpaduan rakyat dan kepentingan orang ramai. Baru-baru ini Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri-negeri dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan buku "Aurat Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam" yang didapati mengandungi ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan syariat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Jambongan meminta Kementerian mengkaji semula bentuk Sijil Kelahiran pendatang asing yang sama dengan Sijil Kelahiran bayi-bayi tempatan. Untuk maklumat Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk berbuat demikian. Ini adalah kerana bentuk sijil sekarang memenuhi kehendak Akta Kelahiran dan Kematian iaitu setiap kelahiran yang berlaku di Malaysia adalah didaftarkan di mana kelahiran itu berlaku.

Yang Berhormat dari Jambongan juga meminta pihak Kerajaan membezakan sijil-sijil kelahiran pendatang asing dengan bayi tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak berkuasa dapat membezakan sama ada bayi yang dilahirkan itu adalah kepunyaan pendatang asing atau orang tempatan atau warganegara. Oleh itu cadangan membezakan sijil berkenaan tidak perlu dibuat.

Yang Berhormat dari Jambongan juga mencadangkan supaya pihak Kerajaan menggubal undang-undang yang berkaitan dengan kelahiran atau daftar beranak. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta berkenaan telah ada iaitu Akta Kelahiran dan Kematian 1957 bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Sabah) (Bab 123) dan Ordinan Pendaftaran

Kelahiran dan Kematian 1951 (Sarawak) (Bab 10). Di peringkat Jabatan, kajian telah dibuat untuk mensejajarkan Akta Kelahiran dan Kematian. Sebuah Jawatankuasa telah diwujudkan yang melibatkan beberapa Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan-jabatan di Kementerian-kementerian lain. Jawatankuasa ini berfungsi untuk menjalankan kajian bagi mengemaskinikan pelaksanaan Sijil Beranak agar sistemnya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu dari segi kematian dan juga kelahiran bayi.

Yang Berhormat dari Semporna mengesyorkan supaya dipertingkatkan lagi prestasi serta kemampuan anggota-anggota pasukan keselamatan di dalam membanteras musuh-musuh negara. Mengenai syor ini sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan melaksanakan pelbagai usaha ke arah mempertingkatkan prestasi. Di antara langkah yang diambil ialah memperbaiki taraf perkhidmatan Pasukan Polis dari masa ke semasa.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setelah menimbang kedudukan taraf perkhidmatan Polis Tambahan dan mengakui betapa beratnya beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada anggota Polis Tambahan, bersetuju menaikkan taraf perkhidmatan Polis Tambahan dari bertaraf Sementara kepada taraf Tetap dan Berpencen, mulai 1hb Januari, 1988. Perkhidmatan Polis Tambahan ini merangkumi Pengakap Sempadan di Sabah dan Sarawak, Unit Kawalan Kawasan di Semenanjung, Boatman, dengan izin, Pekerja Stor, Orderli Mes, Orderli Peribadi, Tukang Masak, Tukang Kayu dan Aerial Rigger. Pemberian taraf tetap dan berpencen ini akan melibatkan seramai 5,514 anggota Polis Tambahan. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sedang mengambil tindakan untuk menggubal,

skim perkhidmatan, tanggagaji dan sifar penyerapan anggota yang ada sekarang. Adalah diharapkan dengan pemberian taraf Tetap dan Berpencen, prestasi perkhidmatan Polis Tambahan khususnya dan perkhidmatan Polis amnya dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran masing-masing mengenai beberapa dasar di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Saya telah cuba memberi penjelasan saya ke atas beberapa pandangan dan teguran tersebut. Bagi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini, saya memberi jaminan bahawa ianya akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kehakiman.

4.38 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan tertentu berhubung dengan beberapa perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Kehakiman.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kluang supaya pindaan dibuat ke atas Legal Profession Act, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bertujuan untuk mencegah perbuatan salahlaku, kurang berdisiplin atau kejujuran para peguam di Malaysia.

Inginlah dimaklumkan bahawa komen-komen serta cadangan telah

pun diterima daripada pihak Majlis Peguam Malaysia dan dengan demikian ini adalah sedang dipertimbangkan.

Tentang cadangan kedua oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang iaitu menghidupkan semula sistem rayuan Privy Council, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, inginlah dinyatakan juga bahawa pandangan Yang Berhormat itu telah diambil perhatian dan akan dikaji dengan mendalam sebelum satu-satu keputusan dibuat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

4.39 *ptg.*

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam perbincangan atas dasar-dasar am Belanjawan 1989 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 21-10-1988 yang lalu.

Saya suka memberi penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, industri kecil dan sederhana, peranan MARA dan FELCRA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu agar peruntukan yang diberi untuk program jalan luar bandar disalurkan kepada Wakil Rakyat, sungguhpun pandangan Ahli Yang Berhormat tersebut adalah

baik, oleh kerana perancangan pembangunan sistem perhubungan dan rangkaian jalan luar bandar memerlukan perancangan yang teratur dan yang menyeluruh, tidaklah sesuai ia ditumpukan kepada satu-satu kawasan sahaja.

Oleh yang demikian wajarlah peruntukan jalan luar bandar dikendalikan oleh satu jabatan sahaja. Namun begitu sekiranya pada pandangan Ahli Yang Berhormat sesuatu kawasan memerlukan pembinaan jalan luar bandar, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah mengemukakan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan kepada Kerajaan Negeri ataupun Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bakri pula membangkitkan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, Kerajaan memang sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung-kampung baru di negara kita dan usaha sedang dibuat untuk memperbaiki keadaan mereka terutama sekali dari segi infrastruktur dan kemudahan asas yang lain. Di Negeri Selangor Darul Ehsan, Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan program menjadikan kampung-kampung baru sebagai bandar baru. Umpamanya tanah-tanah bekas lombong yang mengelilingi kampung baru dibuka untuk projek-projek rumah awam. Dengan cara ini masalah kesesakan penduduk di kampung-kampung baru dapat diatasi.

Di Negeri Sembilan pula jika tidak terdapat tanah Kerajaan di kawasan kampung baru, penduduk-penduduk kampung baru digalakkan berunding dengan tuan punya tanah untuk membeli tanah tersebut bagi

memperluaskan kawasan kampung baru. Masalah kekurangan peluang pekerjaan yang baik bukan sahaja berlaku di kampung-kampung baru tetapi ianya juga berlaku di tempat-tempat lain. Bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru, Kerajaan menggalakkan penglibatan penduduk dalam kegiatan industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai taraf pendidikan, peluang-peluang untuk pendidikan juga dibuka kepada semua kaum di negara ini dan sebanyak 92% daripada kampung-kampung baru mempunyai sekolah rendah dan 20% daripada kampung-kampung baru mempunyai sekolah menengah. Bagi projek-projek infrastruktur dan kemudahan asas di kampung-kampung baru ianya bukan sahaja terletak di bawah Kementerian ini malah agensi-agensi pelaksana yang lain seperti JKR, JPT, LLN, Jabatan Bekalan Air serta Kerajaan-kerajaan Negeri juga ada menyediakan peruntukan. Masalah sosio-ekonomi di kampung-kampung baru telahpun diberi perhatian oleh Kerajaan dan untuk menjayakannya Kerajaan amat memerlukan kerjasama, sokongan dan penglibatan dari masyarakat kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat kira-kira 92.7% kampung baru yang terletak di dalam kawasan Majlis Daerah ataupun Perbandaran ataupun Dewan Bandaraya. Kerajaan bercadang untuk memasukkan kesemua kampung-kampung baru ini di bawah pentadbiran Kerajaan Tempatan supaya perkhidmatan-perkhidmatan yang sesuai dapat diberikan kepada petempatan-petempatan ini untuk menjadikan kampung-kampung baru sebagai kawasan petempatan yang lebih sempurna lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Kerajaan dalam memberikan peruntukan yang lebih besar kepada pembangunan di luar bandar. Saya juga bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Bukit Mas bahawa peruntukan yang sebegini besar adalah perlu untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan di luar bandar supaya mereka dapat maju bersama-sama dengan rakyat di bandar. Ini juga akan mempercepatkan usaha Kerajaan membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat, membangunkan masyarakat kampung, membina jalan-jalan kampung, memulihkan kampung dan menyediakan bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Bintang dan Kuala Kedah telah menyentuh tentang perkembangan industri kecil dan sederhana dan seterusnya mereka telah mencadangkan supaya sebuah Lembaga Pusat ataupun sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk menyelaraskan pertumbuhan industri kecil dan sederhana secara teratur dan dinamik. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut dan Dewan yang mulia ini, cadangan menubuhkan organisasi seperti Lembaga Pusat itu adalah satu daripada alternatif yang sedang dikaji oleh pihak Kerajaan pada masa sekarang ini. Dalam menentukan penubuhan organisasi yang sesuai seperti yang dicadangkan itu, Kerajaan perlu mengambil kira implikasi kewangan, kecekapan pentadbiran, sistem-sistem pelaksanaan serta program-program yang akan dilaksanakan juga perlu dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Maran pula telah mencadangkan supaya Kerajaan mewujudkan industri kecil di tanah-tanah rancangan FELDA untuk

memberi pekerjaan kepada tanggungan peneroka. Kawasan luar bandar khususnya di tanah-tanah rancangan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA dan lain-lainnya sememangnya menjadi sasaran Kerajaan kepada pembangunan ekonomi dan industri termasuklah pembangunan industri kecil. Kementerian ini telah pun melaksanakan beberapa program industri kecil dengan kerjasama FELDA dan agensi pembangunan tanah yang terlibat. Di bawah program ini bantuan-bantuan seperti mesin diberikan kepada pengusaha-pengusaha di luar bandar untuk menjalankan industri tersebut. Kementerian ini telah pun memberikan bantuan mesin kepada pengusaha industri kampung dan tanah rancangan FELDA Gugusan Bera—projek sos cili, FELDA Jengka—roti dan kek dan FELDA Sungai Pancing Timur—anyaman mengkuang.

Ahli Yang Berhormat dari Bakri juga menyentuh tentang kemasukan pelajar-pelajar bukan Melayu ke institusi pendidikan khususnya ke Maktab-maktab Rendah Sains MARA. Di sini sukalah saya menegaskan, pada masa ini dasar yang diamalkan oleh MARA ialah untuk mengutamakan pengambilan pelajar-pelajar bumiputera khususnya pelajar-pelajar dari luar bandar untuk kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA ataupun MRSM. Setakat ini MARA tidak merancang untuk mengambil pelajar-pelajar bukan bumiputera untuk memasuki MRSM. Usaha ini bersesuaian dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru bagi membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar bumiputera dari luar bandar menerima pendidikan peringkat menengah dalam bidang sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembangunan yang sebenarnya diluluskan kepada MARA setakat ini di bawah Rancangan Malaysia Kelima

ialah sebanyak \$1.1 billion. Daripada jumlah ini, peruntukan untuk Maktab Rendah Sains MARA ialah \$38 juta termasuk bagi membina 4 buah Maktab baru iaitu di Selangor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Untuk institusi vokasional, Institut Kemahiran MARA ataupun IKM sebanyak \$32.45 juta diluluskan termasuk bagi membina dua buah IKM baru di Terengganu dan di Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh tentang penyertaan kaum-kaum bukan bumiputera di dalam rancangan-rancangan pembangunan tanah oleh FELCRA yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Bakri. Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan bahawa terdapat dua jenis program pembangunan tanah yang dijalankan oleh FELCRA iaitu Program Pemulihan dan Program Penyatuan. Dalam Program Pemulihan, tumpuan utamanya adalah terhadap tanah-tanah terbiar yang mempunyai hak milik tetapi gagal dimajukan. Manakala Program Penyatuan pula adalah untuk tanah-tanah Kerajaan yang biasanya bersaiz kecil yang terletak berhampiran kampung tradisional di kawasan luar bandar.

Penetapan penyertaan peserta-peserta bagi rancangan ini dibuat selaras dengan status kelulusan tanah yang diberikan oleh pihak berkuasa negeri. Lazimnya bagi rancangan-rancangan pemulihan ini, penyertaan peserta-peserta adalah diterima secara otomatis setelah tuan punya tanah berkenaan bersetuju menyerahkan tanah mereka untuk dipulihkan oleh FELCRA dan pemilihan pesertanya tidak perlu dijalankan lagi. Sementara itu dalam tempoh masa yang sama, seramai 7,106 orang peserta telah dipilih untuk menyertai rancangan FELCRA melalui Program Penyatuan. Daripada jumlah ini, seramai 4.44% adalah

terdiri dari kaum Cina, 2.29% kaum India dan bakinya adalah kaum bumiputera.

Pengambilan peserta bagi rancangan-rancangan penyatuan ini dibuat melalui proses temuduga yang dikendalikan oleh jawatankuasa yang diluluskan oleh pihak berkuasa negeri. Di samping itu, penyertaan kaum-kaum ini juga tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan tanah yang diberikan oleh pihak berkuasa negeri kepada FELCRA. Sekiranya satu-satu rancangan yang diluluskan itu termasuk dalam Kawasan Simpanan Melayu (Malay Reservation) maka pengambilan peserta bagi rancangan berkenaan adalah khusus bagi kaum Melayu dan penyertaan kaum lain tidak dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, itulah jawapan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan bidangkuasa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Di atas cadangan, pandangan dan teguran yang telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya ke atas perkara-perkara yang tidak sempat dijawab dalam Dewan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan.

4.52 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian memberikan pandangan, teguran dan

syor-syor mereka mengenai perkara-perkara tertentu di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan. Sukalah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa segala teguran, pandangan dan syor itu akan dikaji dengan teliti dan diberikan pertimbangan yang saksama oleh Kementerian Pengangkutan. Sukacita juga saya memberikan penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menyarankan supaya Kerajaan memikirkan untuk menurunkan cukai jalan bagi motosikal 75 cc dengan tujuan meringankan sedikit beban golongan petani dan nelayan. Seperti yang diakui oleh Yang Berhormat itu sendiri, penurunan cukai jalan bagi motosikal 75 cc tidak akan menguntungkan pemiliknya sangat kerana kadar cukai jalannya adalah rendah iaitu \$50.00 setahun atau \$25.00 sahaja bagi tempoh 6 bulan. Di samping itu, kategori motosikal ini digunakan oleh semua golongan rakyat sama ada pekebun, pekebun kecil, nelayan, penuntut, pelajar atau pekerja-pekerja di bandar dan di luar bandar. Jika golongan petani dan nelayan memerlukan bantuan daripada Kerajaan untuk mengurangkan beban mereka, saya berpendapat lebih sesuai sekiranya bantuan secara langsung diberi seperti pengajaran teknik-teknik pertanian, penangkapan ikan yang moden serta memberi wang pinjaman dengan faedah yang rendah kepada pihak mereka untuk membeli traktor, perahu serta kelengkapan diperlukan untuk menjalankan kerja-kerja mereka dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah menyentuh mengenai cukai jalan bagi bas-bas di Sarawak. Adalah tidak benar mengatakan bahawa terdapat diskriminasi di dalam pengenaan cukai

jalan motor di antara Sarawak dan Semenanjung. Kadar cukai jalan yang lebih tinggi bagi bas-bas di Sarawak disebabkan oleh kerana kadar tersebut telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan negeri Sarawak sebelum Jabatan Pengangkutan Darat Sarawak dipersetujukan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Sibu, apabila Ordinan Lalulintas Jalan 1958 diperluaskan di Sabah dan Sarawak pada 12hb April, 1984 keputusan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk mengekalkan keadaan semasa "status quo" di kedua-dua negeri tersebut. Dengan demikian, semua kadar cukai jalan kenderaan di Sabah dan Sarawak yang telah ditetapkan di bawah undang-undang negeri sama ada lebih rendah atau tinggi berbanding dengan kadar di Semenanjung adalah terus diamalkan dengan pengubahsuaian dibuat kepada Ordinan 1958 serta undang-undang subsidiary di bawahnya. Keadaan ini juga diteruskan apabila Ordinan 1958 diganti dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987 mulai pada 1hb Januari, 1988.

Kementerian Pengangkutan sedar bahawa terdapat cukai jalan bagi beberapa jenis kenderaan di Sabah dan Sarawak yang lebih tinggi berbanding dengan kadar di Semenanjung Malaysia dan ketika ini adalah dalam proses mengkaji kemungkinan menurunkan kadar-kadar tersebut ke satu paras yang lebih adil. Kajian ini termasuk cadangan penurunan cukai jalan bagi semua jenis bas yang digunakan sebagai kenderaan perkhidmatan awam seperti bas berhenti-henti, bas ekspres, bas persiaran dan bas sekolah diturunkan kepada kadar yang sama seperti di Semenanjung Malaysia.

Yang Berhormat dari Kota Setar ada membangkitkan tentang perlunya penekanan diberikan kepada

pembesaran pelabuhan-pelabuhan supaya barangan eksport negara ini dapat diuruskan dengan lebih cekap lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan-kemudahan infrastruktur yang terdapat di pelabuhan-pelabuhan Malaysia sekarang adalah mencukupi oleh kerana penekanan yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Rancangan Malaysia Keempat dahulu.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di tempoh masa tersebut peruntukan sebanyak lebih dari \$2 billion telah dibelanjakan untuk pembinaan projek-projek infrastruktur pelabuhan seperti pembinaan pelabuhan-pelabuhan Johor, Kuantan, Bintulu, Kota Kinabalu, Sandakan dan pembesaran dermaga pukal dan pembinaan terminal kontena di Pelabuhan Pulau Pinang serta pembinaan pengkalan perbekalan petroleum di Tanjung Berhala di Terengganu. Kemudahan-kemudahan ini adalah mencukupi untuk menampung eksport/import negara ini. Sungguhpun demikian, bagi menampung penambahan kargo-kargo di masa hadapan, Kementerian Pengangkutan dan pelabuhan-pelabuhan telah pun mengenalpasti beberapa projek pembesaran pelabuhan selaras dengan syor-syor kajian pelabuhan kebangsaan.

Yang Berhormat dari Marang ada menyentuh tentang kedudukan Pelabuhan Terengganu dan mengutarakan pandangan bahawa pelabuhan ini lebih baik dari pelabuhan-pelabuhan lain seperti Pelabuhan Kelang, Pelabuhan Pulau Pinang dan Pelabuhan Kuantan dari segi kedalaman airnya yang mampu mengendalikan kapal seberat 120,000 dry-weight. Kenyataan Yang Berhormat itu tidak berapa jelas sama ada beliau merujuk kepada pengkalan perbekalan Tanjung Berhala yang termasuk di bawah had Pelabuhan

Kuala Kemaman atau mana-mana pelabuhan lain yang diwartakan di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar iaitu Pelabuhan Dungun, Kertih, Cukai dan Kuala Terengganu. Memang tidak dapat dinafikan pengkalan perbekalan Tanjung Berhala mempunyai kedalaman air

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun. Ya, minta penjelasan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Pelabuhan Tanjung Berhala, Kemaman. Terima kasih.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Terima kasih Yang Berhormat, memanglah tidak dapat dinafikan bahawa pengkalan perbekalan Tanjung Berhala mempunyai kedalaman air yang baik dan mampu mengendalikannya kapal-kapal seberat 120,000 dry-weight. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan iaitu dari segi perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan keseluruhannya pelabuhan-pelabuhan lain seperti Lembaga Pelabuhan Kelang mempunyai kemudahan dan pengendalian yang lebih baik daripada mana-mana pelabuhan yang ada sekarang ini di negeri Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, sayogia saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan amnya dan Kementerian Pengangkutan khususnya tidak hanya menekankan pembangunan pelabuhan dari segi fizikal sahaja tetapi yang lebih penting lagi ialah menekankan keperluan mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti operasi pelabuhan selaras dengan objektif Rancangan Malaysia Kelima. Ini dilakukan melalui kajian semula sistem pengendalian kargo dan

pengurusan pelabuhan-pelabuhan, penggunaan komputer dan sebagainya. Semua ini adalah bertujuan untuk mencapai penggunaan kemudahan-kemudahan pelabuhan secara optima dan seterusnya dapat mengurangkan kos unit perkhidmatan kepada pengguna-pengguna pelabuhan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tawau, MAS sebagai sebuah penerbangan kebangsaan sememangnya sentiasa berusaha untuk membantu meningkatkan industri pelancongan dalam negeri. Dengan adanya tambang khas dan tambang promotional yang diberikan diskaun kepada penumpang-penumpang sehingga antara 10% hingga 50% adalah dijangka pergerakan pelancongan di antara Semenanjung dan Sabah/Sarawak atau sebaliknya akan lebih menjadi mudah.

Mengenai kadar tambang, Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengkaji semula paras tambang yang sedia ada di antara Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Ini memandangkan bahawa pada masa ini telah ada beberapa jenis tambang promotional seperti saya kata tadi yang memberikan diskaun sehingga kepada 50% daripada tambang biasa yang telah diadakan khas untuk keperluan perjalanan bagi kategori penumpang termasuk bagi tujuan pelancongan.

Mengenai kadar tambang dalam negeri di Sabah dan Sarawak, Kementerian telah pun mengarahkan pihak MAS untuk menjalankan kajian ke atas paras tambang yang ada sekarang khususnya bagi tambang-tambang perkhidmatan luar bandar. Kajian sedang dijalankan dan pertimbangan mengenai cadangan untuk mengubahsuaikan kadar tambang tersebut akan dipertimbangkan setelah kajian tersebut disiapkan.

Kepada cadangan Ahli Yang Berhormat iaitu untuk mengharamkan menghisap rokok untuk semua penerbangan dalam negeri, perkara ini sedang dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

Mengenai kurangnya hak mendarat yang diberi kepada syarikat-syarikat penerbangan asing di Kuching dan Kota Kinabalu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lubuk Antu, sukalah Kementerian memberitahu Dewan ini bahawa kedatangan penerbangan-penerbangan asing melalui pintu-pintu masuk utama, dengan izin, gateway di Kota Kinabalu dan Kuching selain daripada Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan Pulau Pinang adalah sentiasa digalakkan. Terpulanglah kepada syarikat-syarikat penerbangan tersebut membuat pilihan sama ada mereka berminat mengadakan perkhidmatan ke Kota Kinabalu ataupun ke Kuching.

Untuk makluman Dewan ini, syarikat penerbangan asing yang beroperasi ke Sabah dan Sarawak sekarang ialah:

Syarikat Penerbangan	Destinasi (Pergi-balik)	Kekerapan Penerbangan dalam Seminggu
Cathay-Pacific (Usahasama dengan MAS)	Kota Kinabalu-Hongkong	2 kali
Merpati Nusantara Airlines	Pontianak-Kuching	1 kali
Philippines Airlines	Manila-Kota Kinabalu	2 kali
Royal Brunei	Bandar Sri Bengewan-Kota Kinabalu; Bandar Sri Bengewan-Kuching	2 kali 3 kali

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga dalam rundingan udara yang diadakan baru-baru ini, syarikat-syarikat penerbangan luar negeri telah pun dipelawa dan diberi

galakan untuk mengadakan perkhidmatan ke kedua-dua bandar tersebut iaitu dengan pihak penerbangan India, China dan Thailand.

Mengenai keadaan tempat duduk yang sentiasa penuh di tiap-tiap penerbangan ke Kuching dan Kota Kinabalu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dan Ahli Yang Berhormat dari Betong, sukalah Kementerian ini menjelaskan bahawa perkara ini sememangnya ada terjadi, terutama di hari-hari yang sibuk iaitu, dengan izin, peak season seperti di musim-musim perayaan dan cuti sekolah. Sementara itu di luar-luar musim keadaan sedemikian mungkin berlaku pada masa-masa tertentu sahaja, misalnya ketika ada SEMARAK di Sabah, maka penuhlah kapalterbang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Marang bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Penjelasan. Tadi saya dengar penerbangan yang ada itu kebanyakannya penerbangan asing seperti Cathay-Pacific, kemudian Merpati, Royal Brunei Airlines dan sebagainya. Saya kira syarikat-syarikat asing itu memang syarikat-syarikat yang telah lama diberi keutamaan menguasai penerbangan tempatan. Saya minta penjelasan atas dasar apakah pihak Kementerian memberikan peluang-peluang itu begitu lama dan luas kepada syarikat-syarikat yang berkenaan itu. Apakah MAS tidak mempunyai kemampuan untuk mengambilalih tempat-tempat itu, sedangkan MAS sendiri tidak diberi keutamaan untuk beroperasi sebagai domestic flight sama ada di Indonesia, Brunei ataupun di negara-negara lain, sebagaimana yang kita

berikan kepada pihak syarikat asing itu.

Jadi, saya ingin tahu, selain daripada dasar-dasar yang dibuat itu, apakah perancangan masa yang akan datang, bukan di Sabah dan Sarawak sahaja, tetapi saya lihat penerbangan dalam negeri, terutama di Semenanjung pada hari ini juga tidak mencukupi. Sebagai contoh bila kita buka satu penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu menggunakan Pelangi Air, saya ingat dalam masa enam bulan ini kita mendapat untung yang sangat lumayan, hanya baru dua bulan pesawat Pelangi Air, dalam masa enam bulan saya kira tak kurang daripada setengah juta ringgit kita mendapat keuntungan. Apakah MAS tidak mempunyai cadangan untuk membanyakkan penerbangan dalam negeri, misal kata daripada Kota Bharu ke Kuala Terengganu, Kuantan-Kuala Terengganu ataupun daripada Alor Setar-Kuantan ataupun ke lain-lain tempat. Kalau tidak boleh pakai Boeing, Fokker pun boleh, apakah kita tidak mempunyai cadangan memberikan penswastaaan macam yang diswastakan kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang menggunakan pesawat kecil, Pelangi Air yang membawa 19 orang?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali ialah soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan dalam perbahasan ialah bertanyakan sama ada pihak MAS atau pihak Kerajaan kita membukakan kepada pintu-pintu masuk atau gateway kepada penerbangan-penerbangan lain. Memang ada. Asasnya ialah untuk membawa penumpang-penumpang dari luar ke tempat-tempat destinasi yang telah disebutkan itu untuk pelancongan seperti saya katakan tadi, tidak membawa penumpang daripada destinasi itu balik, kecuali penumpang

sebagai pelancong yang dibawa masuk. Jadi, itu satu sebabnya, dan saya rasa Ahli Yang Berhormat—saya pun belum sampai kepada bab itu iaitu menambahkan penerbangan MAS.

Sebenarnya, dalam jawapan seterusnya kepada Ahli Yang Berhormat itu, ada saya telah sediakan jawapan iaitu tambahan penerbangan yang dibuat oleh MAS bagi waktu-waktu tertentu, peak season, itu ada. Dan mengenai penerbangan yang saya sebutkan tadi daripada luar, itu bukan domestic flight, itu international flight, domestic flight ialah penerbangan di dalam negeri. Sudah tentulah Indonesia takkan bagi pula MAS buat domestic flight dalam ruang Indonesia. Begitu juga kita Malaysia tidak membenarkan pihak lain membawa domestic flight dalam negara kita. Jadi, begitulah keadaannya dan MAS memang sentiasa melihat peluang-peluang yang lebih besar lagi pada masa-masa yang akan datang dan satu cara ialah dengan adanya Pelangi Air iaitu di mana ada keperluan. Di dalam perancangan jangka panjang, memanglah ada disediakan.

Untuk pengetahuan Dewan ini juga, bukanlah boleh asalkan teringat sahaja kita tambahkan perkhidmatan kita ataupun penerbangan ke satu-satu destinasi kerana ianya memerlukan perancangan dari segi bilangan kapal terbang yang kita ada, dari segi bilangan kakitangan yang ada dan sebagainya. Memang ada dalam perancangan dan insya Allah kalau bertambah lagi penumpang-penumpang yang dapat kita lihat dalam kajian kita, kita akan tambahkan penerbangan.

Mengenai tempat duduk yang selalu sempit itu dan keadaan ini mungkin juga ada kaitannya pula dengan masalah "no-show" seperti yang dibangkitkan oleh Ahli yang Berhormat itu, keadaan ini tidak

dapat dilakkan kerana terdapatnya kecenderungan penumpang-penumpang untuk membatalkan perjalanan mereka di saat-saat terakhir di atas sebab-sebab yang tidak dapat mereka elakkan. Walau bagaimanapun, keadaan itu telah dapat dihadapi oleh MAS dengan cara mengenakan denda ataupun dengan izin, penalty tertentu kepada penumpang-penumpang yang gagal membuat perjalanan yang telah ditempah oleh mereka iaitu dengan memotong 25% daripada bayaran tambang. Bagi mengatasi kekurangan tempat duduk bagi perkhidmatan ke Sabah dan Sarawak, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian ini atau MAS telah pun mengambil tindakan untuk mengadakan penambahan kapasiti pada jalan-jalan Semenanjung, Singapura, Sabah, Sarawak, pergi-balik yang mana dipertingkatkan mulai bulan November ini dengan adanya sebuah lagi pesawat Boeing 737 dalam lingkungan perkhidmatan MAS.

Khidmat perkhidmatan tambahan itu ialah bermula pada 10hb November, 1988 sehingga 4hb Januari, 1989 kerana, dengan izin, peak season seperti saya katakan tadi iaitu:

Destinasi (Pergi-balik)	Pesawat	Kekerapan Penerbangan dalam Seminggu
Kuala Lumpur- Kota Kinabalu	Boeing 737	11 kali
	Air Bus 300	33 kali
	DC10	300 kali
	Boeing 747	3 kali
Kuala Lumpur- Kuching (Pergi-balik)	Boeing 737	11 kali
	Air Bus 300	21 kali
	DC10	10 kali
Kuching-Singapura (Pergi-balik)	Boeing 737	42 kali
	Air Bus 300	3 kali
Kota Kinabalu- Singapura (Pergi-balik)	Boeing 737	16 kali
	Air Bus 300	1 kali
Singapura-Kota Kinabalu-Kuching (Pergi-balik)	Air Bus 300	2 kali

Adalah dijangkakan dengan adanya penerbangan tambahan tersebut, perkhidmatan itu iaitu di antara sektor berkenaan.

Tuan Mutang Tagal: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas bangun.

Tuan Mutang Tagal: Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengangkutan dengan cadangan untuk menambahkan penerbangan dari Singapura, ke Kuching mulai dari penghujung tahun ini. Walaupun penerbangan ini ditambahkan, kita dapati bahawa masa yang ditentukan untuk membuat penerbangan itu adalah satu masa yang begitu "odd" sekali—pukul satu, pukul dua, pukul tiga sebelah pagi. Jadi oleh kerana itu banyak masalah berlaku apabila jadual penerbangan diadakan pada masa yang tidak seronok.

Masalah yang kedua yang dibangkitkan ialah mengenai dengan MAS memberi peluang kepada penerbangan lain iaitu penerbangan airline lain ke Kuching. Kita dapati bahawa adanya masalah mengenai linkage pelancong-pelancong yang sedang ada di Singapura ataupun di Bangkok ke Kuching. Kalau dapat kita sambung pelancong itu dengan senang, dengan mudah ke Kuching, ini mungkin dapat memberi satu galakan yang begitu besar kepada industri pelancongan di negeri itu.

Dalam tahun 1985, daripada bilangan pelancong yang datang ke Malaysia iaitu kira-kira di antara 2-3 juta orang, hanya di antara 100,000 ke 200,000 orang datang ke Kuching. Lagi pun daripada 100,000 hingga 200,000 orang itu, hanya setengah sahaja terdiri dari pelancong-pelancong asing dan lain-lain itu daripada Semenanjung Malaysia.

Pelancong yang datang ke Sabah memang rendah sekali iaitu di antara

50,000 hingga 100,000 orang. Angka ini telah pun diberi di dalam Dewan ini. Oleh kerana itu Kerajaan Negeri Sarawak berpendapat bahawa kalau dapat kita mengatasi masalah linkage pelancong dari Singapura dan Bangkok ke Kuching, ianya akan memberi manfaat yang besar kepada usaha Kerajaan Negeri untuk memajukan industri pelancongan di negeri itu.

Walaupun Merpati membuat satu penerbangan dari Pontianak ke Kuching tetapi oleh kerana adanya satu penerbangan setiap minggu sahaja, jadi tidak ramai orang yang berminat mengikuti penerbangan itu dan mereka lebih suka untuk menggunakan jalanraya.

Mengenai dengan Phillipine Airline, ia hanya pergi ke Kota Kinabalu dan tidak pergi ke Sarawak, dan walaupun ada Brunei Airline yang datang ke Kuching iaitu satu dua kali seminggu sahaja. Sebab itu kita mahu mengamalkan satu dasar "open sky".

Kita memang sedar tentang kepentingan kebangsaan mengenai dengan penerbangan MAS tetapi saya rasa Kementerian harus mengadakan satu dasar terbuka mengenai dengan mungkin Thai Airways, Singapore Airlines ataupun airlines yang lain yang datang ke Kuching.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, masa "odd" itu, saya rasa tidaklah kesemuanya pada pukul 1.00 pagi. Kapal-kapal terbang pun tidak boleh bertumpu kepada suatu masa turun dan naik. Jadual itu tidak ada pada saya di sini, jadi saya minta maaf tidak dapat beri tahu sekarang. Saya akan beri tahu Yang Berhormat tiap-tiap penerbangan tadi berapa puluh penerbangan, beratus penerbangan tadi yang ada, tahulah kita nanti sebenarnya pukul berapa kapalterbang itu buat landing dan pukul berapa pula dia berangkat pergi.

Dari segi penerbangan tambahan yang saya katakan tadi dalam tempoh tak sampai 2 bulan itu ialah seperti berikut:

Destinasi (Pergi-balik)	Boeing 737	Airbus
Kuching-Singapura	42 kali	3 kali
Kota Kinabalu-Singapura	16 kali	1 kali
Singapura-Kota Kinabalu-Kuching	2 kali	—

Mengenai jadual waktu, saya tidak dapat menentukan di sini kerana saya tidak yakinlah bahawa semuanya pula turun dan naik pukul 1.00 pagi ataupun pukul 4.00 pagi. Tetapi saya rasa kita juga terpaksa memikirkan bagaimana kita hendak schedulekan kapalterbang-itu.

Kalau kapalterbang dari Australia misalnya ia sampai ke Kota Kinabalu, semasa dia turun ataupun dia berlepas dari itu masanya mungkinlah masa yang convenient kepada passengers iaitu pukul 8.00. Sampai di sini sudah tentulah tengah malam, itu tidak dapat dielakkan. Jadi ada masa-masa itu memang tidak dapat dielakkan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Mengenai "open sky policy" memang sepanjang masa kita mempunyai "open sky policy". Dalam sebahagian awal jawapan saya ini tadi saya telah menyatakan bahawa baru-baru ini kita telah ada perbincangan dengan India, China dan Thailand. Memang ada kita buat. Tetapi sama ada dia hendak pergi seminggu sekalikah, dua minggu sekalikah atau sebulan sekalikah, kita tidak dapatlah pula memaksa mereka itu datang dari segi itu. Kalau kita tadi tahu keperluan MAS, kita tambah—begitu banyak sekali penerbangan dalam tempoh dua bulan ini.

Saya simpatilah dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang hendak balik ke kawasan, hendak

balik ke mari, mungkin tidak dapat tempat duduk. Jadi risau juga. Tetapi kalaulah agaknya Yang Berhormat tempah awal-awal itu tentu boleh dapat.

Kita sudah sampai ke situ, dan perkara itu sudah habis di jawab. Rasa saya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai MAS, itu sahajalah.

Saya sudahilah jawapan saya ini dengan mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran dan pandangan yang bernas dan membina dan kepada teguran-teguran, pandangan-pandangan serta cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu yang mungkin ada di antaranya tidak dapat saya jawab pada masa ini, akan diambil perhatian dan tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Menteri Kerjaraya menjawab.

5.17 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan komen-komen dan cadangan-cadangan ke atas tanggungjawab Kementerian Kerjaraya semasa membahaskan dasar am Belanjawan 1989. Saya dengan ini sukacita mengulas dan menjawab komen-komen dan cadangan-cadangan tersebut untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis meminta Kerajaan supaya keadaan jalanraya-jalanraya di Sabah diperbaiki segera. Beliau mengatakan jalan-jalan di Sabah masih lagi ketinggalan jika dibandingkan dengan jalan-jalan di Semenanjung.

Mengenai jalan-jalan di Sabah, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerjaraya telah menyediakan peruntukan yang besar kepada negeri Sabah iaitu bagi tahun 1988 sejumlah \$108 juta manakala di dalam tahun 1989 akan datang sejumlah \$127.2 juta akan disediakan sekiranya Dewan yang mulia ini meluluskan peruntukan tersebut.

Begitu juga peruntukan-peruntukan yang besar telah pun disediakan di beberapa tahun kebelakangan ini semata-mata untuk mempercepatkan pembangunan infrastruktur khususnya jalan-jalan di negeri Sabah dan juga di negeri Sarawak.

Mengenai jalanraya di negeri Sabah yang masih ketinggalan jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia, di antara sebab-sebabnya ialah kelewatan pelaksanaan pembangunan infrastruktur seperti jalan yang hanya dilakukan dengan pesat setelah Sabah menyertai Malaysia dalam tahun 1963. Adalah dijangka apabila siapnya rancangan-rancangan pembinaan yang sedang dilaksanakan seperti Jalanraya Timur-Barat yang menghubungkan pantai timur Sabah iaitu Jalan Ranau-Telupid, Telupid-Sandakan, Sandakan-Lahad Datu dan Lahad Datu-Tawau, sistem jalanraya di Sabah akan bertambah baik lagi.

Di samping itu terdapat juga beberapa batang jalanraya pertanian yang sedang dalam pembinaan seperti Tawau-Merutai, Sapi-Nangko dan Lahad Datu-Bakapit. Banyak lagi projek-projek jalanraya yang sedang dirancangkan di seluruh negeri Sabah yang mana ianya akan dilaksanakan pada masa akan datang mengikut keperluan pembangunan dan juga keadaan kewangan Kerajaan pada masa akan datang.

Saya harap Ahli Yang Berhormat dapat bersabar dengan keadaan jalan yang ada di Sabah sekarang yang saya dapati keadaan jalanraya itu adalah setanding dengan jalanraya di Semenanjung dan setengahnya lebih baik jika dibanding dengan beberapa negeri di Semenanjung.

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat serta kepada Dewan yang mulia ini bahawa di dalam tahun 1988, Kerajaan telah menyediakan peruntukan bagi jalanraya sebanyak \$706 juta bagi seluruh negara. Dari jumlah tersebut sebanyak 16% atau \$108 juta telah disediakan kepada negeri Sabah yang merupakan peruntukan yang besar jika dibandingkan dengan beberapa negeri lain di Semenanjung.

Ahli Yang Berhormat dari Kapit menyatakan bahawa ketiga-tiga daerah yang terdapat di Daerah Kapit hanya boleh dihubungi melalui sungai-sungai sahaja dan perhubungan melalui sungai-sungai ini memakan masa dan belanja yang mahal. Beliau meminta Menteri Kerjaraya mengambil daya usaha membina jalanraya di Sarawak khasnya di Bahagian Kapit.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan sememangnya sedar dan memberi perhatian khusus kepada pembinaan jalan-jalanraya di negeri Sarawak. Oleh yang demikian Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang terbesar jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung dan Sabah iaitu \$140 juta dalam tahun 1988. Peruntukan itu untuk pembinaan jalan-jalan di seluruh negeri Sarawak yang mana sebahagian besarnya adalah untuk pembinaan jalan-jalanraya utama negeri Sarawak iaitu dari Sematan ke Kuching, Kuching-Sibu, Sibu-Bintulu, Bintulu-Miri dan seterusnya ke sempadan Brunei. Kerajaan perlu menyiapkan jalanraya

utama ini terlebih dahulu kerana ianya merupakan jalanraya yang dapat meningkatkan kemajuan atau meningkatkan pembangunan bagi keseluruhan negeri Sarawak. Walaupun demikian, ini tidak bererti Kerajaan tidak menyediakan peruntukan bagi jalan-jalanraya di kawasan-kawasan pedalaman. Misalnya, bagi Bahagian Kapit, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah \$1.7 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima bagi pembinaan beberapa jalan-jalanraya di Bahagian tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Marudu meminta Kerajaan menyatakan kriteria apakah yang digunakan di dalam pembinaan jalan-jalanraya di luar bandar? Apa yang terdapat sekarang, jalan-jalan yang dibina apabila keadaan lalulintas di satu-satu jalan itu bertambah dan sekiranya tidak ada lalulintas, jalan tidak akan dibina. Keadaan ini menyebabkan penduduk luar bandar lambat menerima kemudahan asas dan seterusnya mereka akan ketinggalan dari segi kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memberi penjelasan mengenai kriteria pembinaan jalanraya di seluruh negara. Matlamat Kerajaan membina jalanraya ialah berdasarkan kepentingan ekonomi dan perhubungannya dan juga kepentingan sosial dan kemudahan awam. Sebelum Kerajaan membina sesuatu jalanraya, beberapa perkara perlu dikenalpasti sama ada pembinaan satu-satu jalanraya itu dapat atau tidak mencapai matlamat yang saya sebutkan tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar dalam Belanjawan 1989 bagi kawasan luar bandar. Ini menunjukkan Kerajaan tidak mengabaikan penduduk-penduduk luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Semporna pula meminta Kementerian Kerjaraya supaya jalan-jalan di daerah Balong dan Bandar Semporna diperbaiki kerana perhubungan jalanraya adalah penting disebabkan banyak kawasan pertanian di kawasan Lahad Datu, Semporna dan Tawau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar kawasan Semporna dan Balong adalah penting kerana ia merupakan kawasan pertanian. Oleh yang demikian Kerajaan telah memberi keutamaan membina dan memperbaiki jalanraya Lahad Datu/Kunak dan Semporna. Dalam tahun 1988 \$1 juta telah disediakan bagi kerja-kerja membaiki jalanraya tersebut. Di samping itu jalan utama yang menghubungkan kawasan ini dan kawasan-kawasan lain di negeri Sabah sedang dalam pembinaan iaitu jalan Sandakan dan Lahad Datu.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal meminta Kerajaan mengemaskinikan peraturan-peraturan had muatan dan seterusnya ini akan dapat menyumbangkan kepada pengurangan kos pengangkutan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal, mengikut peraturan yang ada sekarang, kenderaan-kenderaan yang tidak melebihi 22 ton sahaja yang dibenarkan melalui jalanraya-jalanraya Persekutuan. Walau bagaimanapun terdapat juga di beberapa jalan-jalan tertentu had muatan kurang daripada 22 ton berdasarkan kepada rekabentuk dan keadaan jalan tersebut. Kerajaan sememangnya bercadang untuk mengubahkan peraturan had muatan yang ada sekarang. Oleh itu buat masa ini Kementerian saya sedang menjalankan satu kajian yang dinamakan Kajian Beban Ganda Kebangsaan, dengan izin, National Axle Load Study. Kajian ini nanti akan mengenalpasti muatan yang dibenarkan bagi satu ganda kenderaan

terhadap rekabentuk jalanraya Persekutuan yang ada sekarang. Apabila siap kajian tersebut sepenuhnya, adalah dijangka muatan dapat dibawa oleh sesebuah kenderaan adalah lebih daripada muatan 22 ton bergantung kepada banyaknya ganda yang ada pada kenderaan. Ini adalah, dengan izin, the loads spread among the axles.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar meminta supaya Kerajaan menumpukan perhatian ke atas perancangan dan pembinaan lebuhraya di negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang supaya pertumbuhan dalam bidang perindustrian dapat dipercepatkan di negeri-negeri tersebut. Beliau juga menyatakan pembinaan lebuhraya dari Pulau Pinang ke Kedah dilambatkan kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang menganggap bahawa perindustrian di Pulau Pinang akan menghadapi persaingan sekiranya pembinaan lebuhraya tersebut dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya merancang untuk mewujudkan rangkaian lebuhraya dan jalanraya yang baik di seluruh tanahair kita supaya perkembangan ekonomi di kawasan-kawasan yang dilalui oleh jalanraya atau lebuhraya bertambah pesat. Oleh kerana perbelanjaan untuk membina lebuhraya dan jalanraya menelan belanja yang sangat besar, tambahan pula negara kita mempunyai kawasan-kawasan yang berbukit-bukau dan ia menyukarkan lagi pembinaan serta menambahkan lagi perbelanjaan, maka Kerajaan tidak dapat melaksanakan rancangan pembinaan lebuhraya dan jalanraya secara sekaligus tetapi sebaliknya secara berperingkat-peringkat.

Sehubungan dengan itu di dalam rancangan Kerajaan dengan sumber kewangan yang terhad, lebuhraya dan

jalanraya dibina mengikut keperluan pengangkutan, perindustrian dan pertanian yang mendesak. Mengenai saranan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan perlu memberi tumpuan kepada negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang, sukacita saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan sememangnya tidak mengabaikan negeri-negeri tersebut dalam penyediaan infrastruktur jalanraya dan lebuhraya. Misalnya Kerajaan telah pun membina jalanraya yang baik yang menghubungkan Pantai Barat dan Timur iaitu Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak dan Lebuhraya Timur/Barat. Jalan-jalan tersebut dirancang semata-mata untuk meningkatkan lagi kemajuan di Pantai Timur selaras dengan keperluan pengangkutan yang ada sekarang dan di masa hadapan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang dan akan merancang pembinaan jalan-jalanrayanya yang lebih baik di masa-masa akan datang apabila kemudahan yang ada sekarang tidak lagi mencukupi. Di Perlis dan Kedah pula pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan yang bermula dari Bukit Kayu Hitam, Kedah seterusnya ke Johor Bahru diharapkan dapat meningkat lagi pertumbuhan ekonomi dan pertanian di kedua-dua negeri tersebut.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa sebahagian dari Lebuhraya Utara-Selatan, iaitu dari Kedah ke Pulau Pinang dilambatkan kerana desakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini adalah khabar angin semata-mata yang tidak berasas. Kerajaan sememangnya merancang untuk menyiapkan Lebuhraya Utara-Selatan secara keseluruhan dan dijangka siap pada tahun 1995 yang akan dilaksanakan secara penswastaan. Pembinaan bahagian-bahagian Lebuhraya Utara-Selatan dilaksanakan mengikut

keutamaan, walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya yakin bahagian lebuhraya dari Kedah ke Pulau Pinang dapat disiapkan selewat-lewatnya pada tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja yang dapat saya jawab ke atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahar Rang Undang-undang Perbekalan 1989 berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian saya. Kepada komen-komen yang tidak sempat saya jawab, saya akan mengambil perhatian ke atasnya dan yang mana didapati perlu, tindakan sewajar akan diambil ke atasnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dijemput Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pertahanan.

5.31 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan serta mempertingkatkan pandangan dan cadangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Puchong, Pasir Mas, Hulu Selangor, Kota Setar dan Kok Lanas kerana masing-masing telah menunjukkan minat mereka terhadap Kementerian Pertahanan.

Nampaknya dalam perbahasan Belanjawan tahun ini salah satu perkara utama yang disentuh oleh semua Ahli Yang Berhormat tadi ialah mengenai rancangan pembelian alat kelengkapan pertahanan termasuk pesawat pejuang Tornado dari negara Britain melalui satu memorandum

persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua Kerajaan. Masing-masing telah mempertikaikan rasionalnya serta implikasi negatif terhadap kewangan negara. Rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat, kecuali Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor, Kota Setar dan Kok Lanas, menentang rancangan pembelian senjata tersebut. Bagi Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang rancangan itu adalah satu pembaziran kepada negara. Manakala kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas ia membebaskan negara dan mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat dari Puchung pula, pembelian ini seolah-olah negara kita sedang menghadapi ancaman luar yang membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu rancangan yang dirangka oleh Kerajaan terlebih dahulu telah mengambil kira tentang buruk baiknya serta implikasinya terhadap negara sebelum ianya dilaksanakan. Dalam soal rancangan pembelian peralatan pertahanan yang melan belanja ratusan juta ringgit dari negara Britain ianya juga telah diambil kira dan tindakan menjejaskan pembangunan negara, sebaliknya ia akan menguntungkan negara. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, memorandum persefahaman (Memorandum of Understanding) yang telah ditandatangani antara Malaysia dan negara Britain menandakan persetujuan kita untuk membeli alat kelengkapan pertahanan termasuk pesawat pejuang Tornado. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pembelian senjata ini akan dibuat melalui pembayaran secara timbalbalas. Ini sudah tentu akan menguntungkan kita, juga kerana melalui sistem ini negara akan dapat meningkatkan penjualan minyak sawit negara. Pembangunan negara tidak akan terjejas kerana hasil keluaran minyak negara yang akan

dijual turut bertambah. Rancangan pembelian alat kelengkapan pertahanan ini juga akan secara berperingkat-peringkat dan tidak secara sekali gus. Dengan cara ini ianya akan dapat mengurangkan bebanan kewangan yang akan ditanggung oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Puchung dan Bukit Bintang memberi sokongan penuh di atas usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan keupayaan pertahanan negara dengan menambah senjata-senjata serta pesawat-pesawat pejuang yang lebih moden dan sophisticated supaya selaras dengan perkembangan environment keselamatan dan pertahanan di rantau ini. Pembelian ini adalah penting untuk meningkatkan lagi keupayaan Angkatan Tentera kita dari kedudukan ada sekarang ke suatu tahap yang "credible" demi mempertahankan kepentingan negara . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kepong hendak apa?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Saya tak beri jalan. Saya tak kacau dia semasa dia berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak beri jalan, Yang Berhormat. Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: . . termasuk kepentingan strategi dalam menghadapi sebarang kemungkinan Pembelian senjata baru bukanlah bermakna bahawa negara akan menghadapi ancaman peperangan tetapi adalah merupakan langkah meningkatkan kesiapsiagaan

terhadap sebarang kemungkinan. Kita tentunya tidak ingin melihat dengan terperangkap dalam keadaan di mana Angkatan Tentera kita tidak bersedia.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian peralatan moden ini adalah selaras dengan Dasar Pertahanan Negara yang berlandaskan kepada dasar berdikari dan strategi deterrent. Seperti Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, pencapaian kita ke arah dasar dan strategi ini belumlah begitu memuaskan. Adalah diharapkan pembelian peralatan baru ini akan membolehkan Angkatan Tentera mencapai objektif tersebut.

Terdapat beberapa jenis peralatan Angkatan Tentera kita yang sudah agak lama digunakan dan agak ke belakang sedikit dari segi teknologi dan boleh dianggap wajar untuk diganti dengan peralatan baru selaras dengan perkembangan teknologi pertahanan masa kini.

Perkembangan politik strategik serantau kini, terutama di dalam kawasan tertentu yang melibatkan kepentingan secara langsung memerlukan kita meningkatkan kemampuan keupayaan kesiapsiagaan untuk mempertahankan kepentingan tersebut. Oleh itu pembelian peralatan pertahanan moden ini adalah sangat wajar dan patut disokong oleh semua golongan rakyat yang cintakan negara dan kemananan serantau

Tuan Lee Lam Thye: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak apa?

Tuan Lee Lam Thye: Bolehkah saya mendapat penjelasan?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak beri. Yang Berhormat.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Pembangunan sesebuah Angkatan Tentera merupakan satu proses kesinambungan yang berterusan dan ianya mesti berjalan seiring dengan perkembangan semasa. Sesuatu perubahan dalam membangun Angkatan Tentera tidak boleh dilaksanakan dalam masa yang singkat. Umpamanya dalam urusan pembelian pesawat panjang, kita tidak boleh samakan pembelian pesawat pejuang dengan pembelian sebuah kereta. Untuk membeli kereta kita hanya memerlukan wang dan apabila dibeli ianya terus boleh digunakan

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak beri.

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: . . . manakala dalam soal pembelian pesawat, persiapan awal sahaja sudah memakan masa bertahun-tahun juga menyiapkan juruterbang dan juruteknik yang mahir untuk mengendalikan pesawat-pesawat tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum seseorang juruterbang boleh menggunakan jet pejuang dengan mahir, dia perlu masa

sekurang-kurangnya 4 tahun hanya untuk latihan sahaja, manakala bagi melantik juruteknik untuk menyelenggarakan alat-alat memerlukan masa antara 3 hingga 6 tahun.

Kementerian Pertahanan dalam merancang pembelian peralatan mengambilkira akan perkara-perkara ini. Memanglah menjadi anggapan orang yang tidak peka tentang pentingnya keselamatan sesebuah negara menganggap perbelanjaan pertahanan itu adalah satu pelaburan yang membazir dan tidak menguntungkan, kerana mereka tidak sedar tanpa adanya pertahanan yang mantap serta keupayaan mengawal keselamatan negara, rakyat belum tentu dapat menikmati kemakmuran dan kehidupan yang sejahtera. Mungkin juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Puchong dan Kepong tidak dapat tidur lena di malam hari dalam suasana keadaan negara yang tidak aman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Kota Setar kerana telah mengalu-alukan rancangan Kerajaan untuk melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan peralatan yang moden dan telah mengesyorkan supaya peruntukan untuk Kementerian ini ditambah. Melihat dari sudut perbelanjaan pertahanan memang peruntukan ini adalah tidak mencukupi kalau hendak dikira atas desakan pertahanan yang ideal, dengan izin, memanglah perbelanjaan kita akan melebihi had-had yang akan diberi. Kita harus sedar tentang kedudukan ekonomi negara oleh sebab itulah apa yang dibelanjakan memang dihadkan mengikut kemampuan ekonomi semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Serai pula telah membangkitkan soal kekurangan rumah untuk anggota-anggota tentera. Kekurangan

kemudahan tempat tinggal memang disedari oleh Kementerian Pertahanan dan oleh sebab itulah masalah ini sentiasa diberi keutamaan. Setakat ini Kementerian Pertahanan telah dapat menyediakan kemudahan tempat tinggal kepada anggota-anggota tentera untuk ketiga-tiga perkhidmatan iaitu untuk tentera darat sebanyak 50.2% daripada keperluan telah dapat disediakan, untuk tentera laut 71% dan untuk tentera udara 28.4%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sebanyak 2,442 unit rumah keluarga lagi sedang dalam pembinaan. Di samping itu Kementerian Pertahanan juga sedang mengambil tindakan untuk memulakan permbinaan 2,000 unit rumah lagi dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini. Rancangan ini dijangka akan dapat menyelesaikan 60% masalah kekurangan tempat tinggal untuk anggota tentera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kerahan tenaga, dengan izin, national service, sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sekali lagi saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa soal national service bukanlah satu konsep baru yang ditimbulkan di dalam Dewan dan di luar Dewan ini, bahkan perkara ini telah pun berkali-kali dijawab di Dewan yang mulia ini.

Sebagaimana yang telah ditegaskan di masa-masa yang lepas kerahan tenaga adalah dianggap tidak sesuai diadakan di negara ini lebih-lebih lagi dalam keadaan tiada keperluan yang mendesak dari segi pertahanan negara. Saya berpendapat banyak masalah-masalah praktikal yang akan dihadapi di dalam implementasinya mewajibkan rakyat untuk berkhidmat di dalam Angkatan Tentera. Perlaksanaannya nanti akan

menimbulkan berbagai-bagai kesulitan bukan sahaja dari segi klasifikasi atau mencari kriteria belia-belia yang mana patut masuk berkhidmat dahulu atau kemudian atau dikecualikan, tetapi juga dari segi bilangan rakyat yang besar mungkin akan menyebabkan tidak dapat ditadbirkan dengan secara teratur tanpa menimbulkan masalah seperti kewangan, kemudahan kakitangan dan juga masalah kemanusiaan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pernah menegaskan perkara ini iaitu kerahan tenaga yang dilaksanakan pada masa yang tidak sesuai akan menimbulkan banyak implikasi yang kurang baik dan keadaan seumpama itu perlu dihindarkan. Angkatan Tentera yang ada sekarang mempunyai kemampuan yang mantap untuk menghadapi sebarang kemungkinan tanpa memerlukan kerahan tenaga seluruh rakyat. Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dengan masalah pertahanan negara, kami telah pun mengkaji perkara ini dengan semasak-masaknya dan berpendapat bahawa sistem perkhidmatan negara masih belum diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan serta ulasan saya kepada beberapa pertanyaan dan kemusykilan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan Belanjawan 1989 yang lalu. Kepada mana-mana perkara yang mungkin tidak tersentuh dalam jawapan saya tadi akan saya kaji dan mengambilkira akan perkara tersebut untuk dipertimbangkan jika difikirkan perlu demi untuk kebaikan negara amnya dan Kementerian Pertahanan khasnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, dijemput Menteri berkenaan menjawab.

5.45 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab bagi pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya tidak bercadang untuk memberi jawapan satu persatu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi akan memberi gambaran secara menyeluruh.

Hasrat Kerajaan ialah untuk mewujudkan sebuah negara yang moden berasaskan perkembangan perindustrian. Kita tidak boleh lagi bergantung atas "primary commodity" di mana kedudukannya terpengaruh oleh kedudukan dagangan antarabangsa. Dalam hal ini sudah tentu amat penting infrastruktur yang diperlukan, dirancang dan disediakan. Pembangunan sektor tenaga adalah satu daripada faktor utama dalam pembangunan ekonomi negara. Pembangunan projek tenaga memerlukan masa yang panjang dan dengan kesedaran akan hakikat inilah strategi sehingga ke tahun 2000 sudahpun disediakan. Strategi memperbagaikan sumber tenaga komersial yang diramalkan beberapa tahun dahulu sudahpun membawa kesan yang baik. Walaupun memang sukar untuk mengganti minyak dalam sektor transportation, policy diversification ini telah nyata dalam penjaan kuasa elektrik. Dalam tahun 1970an 85% daripada penjaan kuasa Lembaga Letrik Negara, misalnya, bergantung kepada minyak. Melalui strategi berbilang Lembaga Letrik Negara telah dapat mengurangkan pengantungannya kepada minyak 58% sahaja. Kerajaan bercadang untuk meneruskan strategi ini walaupun harga minyak di pasaran dunia sekarang rendah. Minyak sebagai punca tenaga penjaan elektrik dijangka akan menurun ke tahap 1% pada tahun 2000.

Sumber tenaga gas untuk penjaan elektrik diramalkan akan naik dari

17% pada tahun 1987 kepada 78% pada tahun 2000. Walaupun jumlah penjanaaan keseluruhannya dari sumber haidro dan arang batu dijangka bertambah, peratusan penjanaaan dari kedua-dua sumber ini diramalkan akan menurun. Kedudukan peratusan penjanaaan Lembaga Letrik Negara pada tahun 2000 adalah dianggar sebagai berikut dalam konteks kehendak maksima sistem dianggarkan sebanyak 6040 megawatt:

Haidro	11%
Gas	78%
Minyak	1%
Arang batu	10%

Tuan Yang di-Pertua, keadaan walau bagaimanapun belum mengizinkan pencapaian strategi diversification ini di negeri Sabah ataupun di negeri Sarawak. Di negeri Sabah penekanan diberikan ke atas kestabilan sistem program-program dari segi penghantaran. Projek-projek yang terlibat ialah sambungan antara kabel dasar laut Labuan-Beaufort yang kini dilaksanakan secara penswastaaan di mana sebahagian gas, di Sabah Gas Industry diguna untuk menjana kuasa elektrik. Akan tetapi Kerajaan belum menetapkan kegunaan sumber gas dengan besar-besaran di negeri itu kerana masih belum ditentukan dengan tepat akan ramalan gas yang berdekatan di negeri itu. Di negeri Sarawak pula pihak SESCO telahpun memulakan penjanaaan kuasa menggunakan gas dengan kemungkinan dalam masa hadapan untuk membangunkan punca haidro yang terdapat di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga menyedari bahawa harga elektrik yang berpatutan adalah perlu sebagai pendukung galakan pertumbuhan industri di negeri ini. Seperti Yang Berhormat sedia maklum

pengurangan tarif telah dibuat beberapa kali dalam 3 tahun kebelakangan ini bagi sektor perindustrian, perlombongan, perhotelan dan lampu-lampu jalan. Pengurangan tarif di masa sesuai akan menjadi perkara biasa. Selaras dengan pendirian itulah bahawa telah diluluskan cadangan Lembaga Letrik Negara untuk memberi tambahan diskaun bagi tarif lampu-lampu jalan daripada 20% kepada 40%. Tambahan diskaun ini bermula dari 1hb September yang lalu. Harga yang lebih murah ini diharap dapat membantu pihak penguasa-penguasa tempatan. Juga mulai 1hb September tahun ini kadar bayaran penyambungan elektrik bagi sektor perindustrian, perdagangan dan perumahan telah diturunkan. Langkah ini juga diambil untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, terutamanya industri baru serta memulihkan sektor perumahan dan perdagangan. Sektor perumahan hanya perlu membayar bayaran penyambungan 50% daripada kos projek sektor perdagangan 20% dan sektor perindustrian 10%.

Sebenarnya mereka juga mempunyai pilihan sama ada untuk membayar bayaran penyambungan elektrik atau membayar bayaran bulanan terjamin atau, dengan izin, guaranteed minimum monthly charge. Dengan kedudukan tarif-tarif yang ada sekarang, sebenarnya tarif elektrik di Semenanjung puratanya lebih menarik ataupun sekurang-kurangnya setanding dengan tarif elektrik di negara jiran. Kedudukan seperti ini diharap akan dapat mengurangkan kos pengeluaran pihak industri dan juga akan menarik minat pelaburan modal di negara ini.

Kerajaan juga sedar bahawa tarif untuk negeri Sabah adalah berbeza berbanding dengan di Semenanjung. Keadaan ini tidak dapat dielakkan memandangkan kepada kos penjanaaan yang tinggi kerana bukan

sahaja kebanyakan stesen-stesen di Sabah adalah kecil dan terpencil tetapi juga masih belum ada sistem grid yang luas di negeri itu. Namun demikian, soal tarif ini sentiasa diberi perhatian dan pengulangkajian kadar tarif akan dipertimbangkan sebaik sahaja keadaan mengizinkan seperti yang telah dibuat dalam tahun 1986 di mana tarif telah diturunkan ekoran daripada kejatuhan harga minyak. Begitu juga halnya bagi pihak SESCO di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam urusan mentadbirkan perkhidmatan kepada rakyat, kadangkala berlaku gangguan-gangguan yang di luar dugaan seperti gangguan elektrik di Pulau Pinang pada 21hb dan 22hb Oktober yang lalu. Biasanya Pulau Pinang dibekalkan elektrik melalui 2 kabel penghantaran dasar laut dan 3 kabel melalui Jambatan Pulau Pinang. Jumlah keupayaan 400 megawatt sememangnya mencukupi bagi memenuhi keperluan di Pulau itu sebanyak 160 megawatt sahaja. Namun demikian, pada 21hb Oktober kerosakan disebabkan oleh satu kebakaran telah berlaku ke atas 3 kabel penghantaran Lembaga Letrik Negara melalui Jambatan Pulau Pinang. Di waktu yang sama, 2 kabel dasar laut yang sepatutnya boleh memenuhi keperluan di Pulau itu dengan sendirinya telah tidak dapat berbuat demikian. Kerosakan 3 kabel penghantaran Jambatan Pulau Pinang telah mengakibatkan peningkatan beban secara tiba-tiba di dua kabel dasar laut dan ini telah membawa pula kepada kerosakan salah satu daripada kabel dasar laut tersebut. Keadaan ini telah mengakibatkan pencatuan bekalan elektrik di Pulau Pinang selama 2 hari berturut-turut. Sekarang ini pembaikan telah pun dijalankan kepada kabel dasar laut dan juga satu daripada kabel di atas Jambatan dan bekalan sudah pun diberi seperti biasa.

Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan terima kasih di

atas kerjasama pengguna-pengguna di Pulau Pinang yang telah sudi membantu pelaksanaan pengurangan beban dan pencatuan bekalan elektrik di waktu kerosakan itu berlaku. Kerajaan sedar mereka telah di'inconvenience'kan, dengan izin, dan saya juga suka mengucapkan pujian kepada kakitangan Lembaga Letrik Negara yang telah berusaha untuk memulihkan keadaan dengan secepat-cepatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang menghuraikan dengan panjang lebar perkara-perkara bersabit dengan Perkhidmatan Telekom atau Perkhidmatan Pos. Walaupun begitu, saya suka menegaskan sekali lagi komitmen Kerajaan untuk menentukan kedua-dua infrastruktur communication ini disediakan dengan mutu yang tinggi dan cekap. Pihak pengurusan Syarikat Telekom Malaysia telah mengambil tindakan pengurusan bagi mengurangkan kos operasi dan memperkenalkan strategi pemasaran yang berkesan.

Dari segi sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara, STM telah berjaya menyediakan sejumlah hampir 1.2 juta talian perkhidmatan telefon termasuk talian untuk telefon awam. STM juga dari masa ke semasa memperkenalkan perkhidmatan baru telekomunikasi. Sistem komunikasi data MAYPAC dan DATEL telah mendapat sambutan yang baik dari pengguna. Tidak berapa lama lagi pula MAYPAC (Rangkaian Data Awam Suis Litar) dan Telemel, Perkhidmatan Mesej Elektronik Awam akan dilancarkan. Juga STM sememangnya berhasrat untuk memperkenalkan dan menyediakan bil terperinci ke seluruh negara dengan secepat mungkin sebagai salah satu cara untuk meyakinkan pengguna terhadap kesahihan bil telefon mereka. Pada masa ini pengguna-pengguna telefon di Wilayah Persekutuan dan Selangor telahpun

mendapatkan kemudahan ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sarawak, di negeri Sarawak juga boleh dikatakan 90% dari penggunanya boleh menikmati kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Pos ialah satu perkhidmatan asas yang diperlukan oleh semua lapisan rakyat. Oleh itu penting perkhidmatannya dipermodenkan mengikut perkembangan semasa Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan melengkapkan Perkhidmatan Pos dengan sistem komputer pada keseluruhannya. Kajian ini dibuat secara bersama dengan pihak PNB untuk menentukan apa-apa sistem yang mungkin dipasang dapat juga digunakan oleh pihak PNB dalam urusan Amanah Saham Nasional menerusi Perkhidmatan Pos. Sebenarnya Perkhidmatan Pos sekarang tidak dilengkapi dengan alat-alat semasa yang mencukupi dan sekiranya tindakan yang dicadang bersama oleh pihak-pihak PNB dan Jabatan Pos dapat dilaksanakan, ianya akan membawakan urusan harian Perkhidmatan Pos ke tahap yang moden dan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil peluang untuk mengulangi bahawa saya berpendapat kebanyakan perkhidmatan yang di bawah naungan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos seperti bidang telekomunikasi, elektrik dan perkhidmatan pos sendiri layak dipertimbang untuk diswastakan. Mungkin ada sebahagian kecil merasa bimbang apakah kesan penswastakan dari segi mutu perkhidmatan, harga perkhidmatan setelah diswastakan, kedudukan social service, dengan izin, seperti perkhidmatan luar bandar ataupun kedudukan kakitangan agensi-agensi yang terlibat. Seperti yang telah ditegaskan beberapa kali, penswastakan dapat mengurangkan beban kewangan kepada Kerajaan.

Yang sebenarnya, masa hadapan negara kita ini akan bergantung kepada perkembangan industri dan perlu bagi rakyat menerima hakikat bahawa peluang pekerjaan dalam masa-masa hadapan bergantung kepada kerja-kerja dalam industri.

Justeru itu, bukan sahaja Kerajaan perlu menyediakan rakyat yang mengamalkan pekerja "blue-collar" dan bekerja di sektor swasta, bahkan rakyat pada hakikatnya juga hendaklah bersedia mengubah sikap untuk menerima perubahan corak cara pekerjaan yang dahulu bergantung sangat atas Jabatan-jabatan Kerajaan dan "white-collar job" sahaja. Pelaksanaan polisi penswastakan juga akan dapat melibatkan pihak sektor swasta ataupun pihak orang perseorangan secara individu mendapat peluang mempunyai milik dalam syarikat-syarikat swasta yang tertentu. Dari segi pengurusan pula, sudah tentu dalam suasana penswastakan, pihak pengurusan berpeluang bergerak dengan lebih bebas dari syarat-syarat birokrasi yang lazimnya menjadi amalan dalam Jabatan Kerajaan. Persaingan atau competition pada lazimnya juga mudah digalakkan. Secukupnya dengan pendirian sedemikian, tindakan untuk menentukan munasabah atau tidak beberapa perkhidmatan di bawah naungan Kementerian ini untuk diswastakan akan diteruskan dengan hebat lagi dalam tahun yang akan datang.

Yang sebenarnya banyak perkhidmatan-perkhidmatan memang layak menjadi candidate untuk diswastakan. Apa yang akan menjadi tumpuan ialah menetapkan cara dan bentuk penswastakan yang difikirkan sesuai bagi satu-satu perkhidmatan yang terlibat.

Dalam melaksanakan penswastakan, semua soalan yang mungkin masih membimbangkan memang

diambil kira, misalnya dari segi kakitangan memang sudah menjadi amalan mereka diberi option untuk berkhidmat dalam syarikat yang mengambil alih perkhidmatan dengan syarat yang tidak "less favourable", jika dibandingkan dengan syarat perkhidmatan mereka dalam agensi yang telah diswastakan. Pada hakikatnya juga competition akan digalakkan dan di mana competition wujud, ianya mempunyai mekanisme sendiri untuk menentukan harga atau kos perkhidmatan yang terlibat. Sekiranya difikirkan competition belum munasabah bagi sesuatu perkhidmatan yang tertentu dan suatu monopoli wujud dalam beberapa ketika, Kerajaan boleh menentukan peraturan-peraturan untuk menjamin kebaikan pengguna tidak terjejas. Begitu juga halnya dengan perkhidmatan ke luar bandar, misalnya di waktu Syarikat Telekom Malaysia diwujudkan, syarikat itu dikedalkan mempunyai monopoli dalam menyediakan network, akan tetapi perkhidmatan tambah nilai (value added), dengan izin, terbuka untuk mana-mana syarikat yang berminat. Beberapa syarikat telah diberi lesen untuk mengendalikan perkhidmatan value added ini dan terpujanglah kepada mereka untuk menentukan harga pasaran perkhidmatan yang mereka beri.

Syarikat Telekom Malaysia pula sebagai "network monopolist" bergerak di bawah satu lesen, di mana Kerajaan mempunyai hak untuk mengawal tarif untuk menjaga security dan privacy communication, dengan izin, dan juga menyediakan perkhidmatan ke luar bandar. Kedudukan monopoli serupa ini ialah suatu polisi sahaja bagi tempoh yang tertentu. Apa yang penting kita berharap pihak-pihak yang menjalankan perkhidmatan penswastaan meningkatkan mutu kecekapan pengurusan masing-masing.

Bagi Syarikat Telekom Malaysia misalnya kejayaan dalam masa-masa hadapan tidak boleh dikaitkan dengan kedudukan mereka sekarang sebagai network monopolist, sebaliknya masa hadapan STM bergantung kepada kecekapan semua lapisan kakitangan syarikat itu lebih-lebih lagi bagi pihak atasan menentukan kecekapan pengurusan masing-masing. Begitu juga peraturan-peraturan tertentu boleh diwujudkan untuk perkhidmatan elektrik atau pos dan sebagainya, apabila masanya tiba bagi perkhidmatan-perkhidmatan itu diswastakan. Pendek kata polisi penswastaan iaitu suatu polisi jangka panjang yang akan memberi kebaikan kepada semua pihak dan saya berpendapat patut diberi sokongan dan galakan yang penuh oleh semua pihak termasuk kakitangan-kakitangan yang terlibat.

Dengan ucapan sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjawab.

6.04 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina dalam perbahasan di atas ucapan Dasar Am Belanjawan 1989, khususnya mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Izinkan saya memberi jawapan kepada beberapa perkara tertentu yang telah dibangkitkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Padang Terap, Nibong Tebal, Kota Setar, Bukit Bintang dan Pengkalan Chepa telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan industri dan pelaburan.

Ahli Yang Berhormat dari Marang telah menyatakan betapa perlunya diberi penekanan kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara dalam usaha memastikan D.E.B. tercapai selepas 1990. Beliau inginkan agensi-agensi, syarikat Kerajaan seperti MIDA menitikberatkan pertumbuhan daripada pembahagian atau subsidi.

Cadangan Yang Berhormat itu supaya Kerajaan memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi negara selepas 1990 adalah kena pada masanya. Objektif ini telah pun diberi keutamaan dan akan diteruskan selepas tahun 1990. Sehubungan dengan ini, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah wajar bagi memastikan pertumbuhan pesat ekonomi negara terutamanya di sektor perkilangan. Kepentingan sektor perkilangan dapat dilihat dari segi sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KNK) yang telah meningkat daripada 20.9% dalam tahun 1986 kepada 22.4% dalam tahun 1987 dan dijangka akan mencapai paras sebanyak 24.2% dalam tahun 1988.

Berhubung dengan ini beberapa langkah telah diambil bagi menarik pelabur asing serta pelabur tempatan seperti melonggarkan peruntukan dalam Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, mewujudkan galakan-galakan yang menarik di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986, melaksanakan Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport, melonggarkan garis-garis panduan bagi penyertaan ekuiti dan kelulusan jawatan asing di sektor pengilangan serta

mempergiatkan lagi usaha-usaha menggalakan pelaburan melalui seminar-seminar tempatan dan luar negeri dan juga menghantar rombongan-rombongan untuk menggalakan pelaburan dari luar negeri.

Ahli Yang Berhormat ini juga telah membuat teguran mengenai ketidakseimbangan kelulusan lesen-lesen pengilang oleh Kerajaan kepada pelabur yang ingin melabur di negeri Terengganu (2 lesen), Kelantan (3 lesen), dan Sabah (14 lesen), jika dibandingkan dengan Johor (89 lesen), Selangor (143 lesen) dan Pulau Pinang (54 lesen). Beliau juga melahirkan rasa hairan mengapa lesen-lesen yang diluluskan begitu sedikit sedangkan infrastruktur-infrastruktur yang disediakan khususnya oleh Kerajaan Negeri Terengganu sangatlah memuaskan.

Perbezaan di antara jumlah lesen-lesen pengilang yang diluluskan mengikut negeri adalah bergantung kepada lokasi projek seperti dikemukakan dalam cadangan pelaburan. Pelabur-pelabur akan memilih lokasi projek perkilangan berasaskan berbagai fakta termasuk jenis projek sumber asli yang diperlukan, kemudahan-kemudahan yang ada, kos pengeluaran serta galakan-galakan yang disediakan oleh sesebuah negeri. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tidak boleh memaksa pelabur-pelabur mendirikan projek mereka di negeri tertentu. Walau bagaimanapun, menerusi penerangan misi-misi galakan keluar negeri, pelabur-pelabur akan dimaklumkan tentang potensi-potensi pelaburan yang terdapat di setiap negeri dan terpulanglah kepada setiap negeri untuk menarik pelabur-pelabur ke negeri masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap menyentuh tentang strategi-strategi dalam Pelan Induk

Perindustrian yang sedang bergerak maju. Menurut beliau perkembangan sektor perkilangan sebanyak 30% merupakan satu petanda yang baik dan dapat membolehkan negara ini mencapai taraf NIC. Menyentuh tentang "Spilled over effect", dengan izin, dari pelaburan industri-industri berat beliau meminta Kerajaan mewujudkan insentif-insentif lain untuk meningkatkan lagi pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, insentif-insentif menarik akan sentiasa disediakan oleh Kerajaan untuk menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini. Insentif-insentif yang telah diumumkan dalam ucapan Belanjawan 1989 merupakan satu langkah lagi yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki skim galakan pelaburan negara kita dan meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara lain di rantau ini yang juga bersama-sama berlumba untuk menarik pelaburan asing, insentif-insentif yang disediakan itu akan sentiasa dikaji semula supaya dapat kita menarik lagi pelaburan dari luar negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga menyentuh Pelan Induk Perindustrian dan berharap Kerajaan akan memberikan lebih banyak kemudahan untuk beliau-belia di negara ini di samping mewujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, satu daripada sasaran kuantitatif penting di bawah Pelan Induk Perindustrian (PIP) 1986 hingga 1995 adalah guna tenaga. Berdasarkan kepada matlamat PIP sejumlah 305,618 dan 399,813 peluang pekerjaan dijangka akan diwujudkan dalam tempoh 1985 hingga 1990 dan 1991 hingga 1995 masing-masing. Bilangan purata peluang pekerjaan yang dijangka akan dapat diwujudkan bagi tempoh 1986 hingga 1990 adalah

61,123 setahun. Sektor-sektor yang paling penting yang dijangka dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan adalah sektor elektrik dan elektronik, tekstil dan pengilangan jentera peralatan pengangkutan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyentuh tentang dasar mengenai pemilikan ekuiti di bawah Dasar Ekonomi Baru dan mencadangkan ia dikaji semula. Atas perkara ini, sukacita saya jelaskan bahawa Kerajaan telah pun membuat beberapa kelonggaran terhadap pelaksanaan ini. Misalnya syarikat-syarikat asing yang mengeksport lebih daripada 50% pengeluaran mereka boleh dibenarkan memegang ekuiti sehingga tahap 100%.

Bagi syarikat-syarikat tempatan di mana kumpulan pegangan saham (share holders funds) adalah kurang daripada \$2.5 juta, mereka adalah dikecualikan daripada syarat milik ekuiti di bawah D.E.B. Bagi syarikat-syarikat yang dikecualikan daripada pelesenan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975, mereka tidak dikenakan apa-apa syarat termasuk syarat ekuiti D.E.B. Kerajaan akan terus bersikap "liberal" terhadap pelabur-pelabur asing dan tempatan walaupun selepas tahun 1990. Ini adalah kerana Kerajaan sedar akan pentingnya pelaburan terutama dalam sektor industri dalam usaha untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal telah meminta Kerajaan mengkaji semula kesan perlindungan tarif ke atas kos pengeluaran di dalam sesebuah industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, setiap permohonan yang diterima untuk perlindungan tarif dikaji dengan teliti dan mendalam sebelum Kerajaan memutuskan sama

ada perlindungan wajar diberikan atau tidak. Kajian tersebut melibatkan sesuatu industri pada keseluruhannya dan bukan syarikat pemohon sahaja. Di antara faktor-faktor yang diambil kita dalam setiap kajian termasuklah bekalan, kos pengeluaran tempatan, harga barangan import, dan juga kesan perlindungan ke atas pengguna-pengguna. Ini bererti bahawa kepentingan dua pihak, iaitu pengeluaran dan juga pengguna adalah diambil kira.

Kadar perlindungan tarif yang diberikan adalah bertujuan membantu industri tempatan bersaing dengan barangan import yang mungkin telah dibawa masuk dengan harga "marginal price" atau "export-subsidised price".

Perlindungan tarif diberikan ke atas barangan penting juga diikat dengan kawalan harga untuk memastikan bahawa pengeluaran-pengeluaran tempatan tidak mengambil kesempatan untuk meningkatkan harga kepada pengguna. Bagi barangan seperti simen bukan sahaja harga dikawal tetapi bekalannya juga diawasi untuk mengelakkan kekurangan bekalan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor dan Bukit Mas telah menyentuh perkara-perkara mengenai harga-harga barangan perlu dan kepentingan pengguna.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah meminta Kerajaan mengkaji sebab-sebab kenaikan harga daging lembu dan kambing dan mengambil tindakan tegas untuk menurunkan harga barang keperluan ini. Beliau juga menyatakan harga makanan di restoran-restoran adalah tinggi dan keadaan ini boleh menyebabkan pelancong-pelancong tidak berminat untuk datang ke negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan daging lembu dan kambing masih bergantung kepada pengimportan dari Australia dan New Zealand dan beberapa negara lain kerana negara ini hanya mampu menyediakan sendiri lebih kurang 50% daripada keperluan daging lembu dan 20% keperluan daging kambing/biri-biri. Oleh yang demikian harga daging lembu dan daging kambing di negara ini banyak bergantung kepada kos pengimportan dan kadar pertukaran nilai mata wang negara-negara pembekal berkenaan.

Berhubung dengan laporan di akhbar-akhbar mengenai kenaikan harga daging kambing baru-baru ini, sukacita saya memaklumkan bahawa kenaikan harga ini adalah di peringkat penjual borong sahaja. Harga daging kambing import di peringkat runcit masih tidak berubah semenjak tahun 1987 iaitu dari purata \$7.50 sekilogram bagi daging kambing tanpa tulang dan \$6.50 bagi daging kambing bertulang.

Kenaikan harga daging kambing import di peringkat borong berpunca daripada kenaikan kos pengimportan dan kenaikan kadar pertukaran nilai wang negara-negara pembekal. Dalam bulan Januari 1988 kos pengimportan daging kambing ialah \$2.36 sekilogram iaitu berdasarkan kepada US\$1.39 sekilogram. Mulai bulan Oktober 1988 kos pengimportan daging kambing ialah \$3.98 sekilogram iaitu berdasarkan kepada US\$1.80 sekilogram. Dengan kenaikan harga jualan borong daging import kepada \$4.40 sekilogram, mulai bulan Oktober 1988 para pemborong hanya mendapat keuntungan kira-kira 4% sahaja.

Mengenai harga makanan di restoran-restoran di negara ini yang dilaporkan adalah tinggi, kenyataan itu adalah kurang benar. Harga makanan di restoran-restoran bergantung kepada jenis hidangan dan

layanan serta kemudahan-kemudahan lain yang disediakan. Para pengguna boleh membuat pilihan mengikut kemampuan masing-masing dalam menentukan tempat mereka menjamu selera.

Harga makanan di restoren-restoren tidaklah dikawal oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, restoren-restoren perlu meletakkan tanda harga pada semua jenis makanan yang dijual atau yang dihidangkan. Ini dapat membantu pengguna-pengguna untuk memilih restoren-restoren yang menawarkan makanan dengan harga yang lebih murah dan berpatutan.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas pula berharap kenaikan gaji kakitangan Kerajaan tidak akan menghasilkan kenaikan harga barang-barang keperluan. Beliau menyatakan Kerajaan harus mengawal harga barang-barang seperti beras, gula, susu, daging, sayuran dan minyak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa waspada dengan tindak-tanduk peniaga-peniaga dan akan memastikan bahawa kenaikan gaji yang akan diberi kepada kakitangan Kerajaan kelak tidak akan dijadikan alasan oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab untuk menaikkan harga barang-barang keperluan seperti beras, gula, susu, daging, sayur, minyak dan lain-lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga beras, gula dan minyak petroleum adalah ditetapkan oleh Kerajaan dan sebarang kenaikan harga barang-barang ini mestilah mendapatkan kelulusan Kerajaan terlebih dahulu.

Harga susu, daging, sayur, minyak masak dan barang-barang lain tidak ditetapkan oleh Kerajaan dan harga barang-barang ini ditentukan oleh peniaga sendiri. Harga barang-barang ini turun naik dari masa ke semasa

disebabkan oleh pengaruh bekalan dan permintaan yang berubah-ubah mengikut musim. Kos bahan mentah, pengangkutan, bahan-bahan pembungkusan dan kenaikan nilai matawang negara pembekal, juga menjadi faktor kenaikan harga barang-barang ini. Walau bagaimanapun, pemeriksaan mendapati bahawa kenaikan harga barang-barang ini adalah munasabah dan berpatutan. Kerajaan akan sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pengawasan untuk memastikan bekalan barang-barang ini sentiasa ada dan tanda harganya diletakkan mengikut Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 dan sebarang penyelewengan akan diambil tindakan yang tegas.

Ahli Yang Berhormat dari Sibul telah mendakwa bahawa Kerajaan telah mengabaikan kepentingan perdagangan kita dengan Republik Rakyat China (RRC). Ahli Yang Berhormat dari Sibul juga mendakwa bahawa pedagang-pedagang Malaysia mengalami kerumitan untuk mendapatkan kebenaran-kebenaran untuk pergi ke RRC sehingga terpaksa memberi rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan-dakwaan ini sangat serius dan perlu diberikan penjelasan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbagai usaha telah dijalankan bagi meningkatkan perdagangan dua-hala Malaysia-RRC, khususnya eksport Malaysia ke RRC. Perjanjian Perdagangan Malaysia-RRC telah ditandatangani pada 1hb April, 1988. Dengan Perjanjian tersebut adalah diharapkan eksport Malaysia ke RRC akan meningkat, berbanding dengan keadaan sekarang. Perdagangan dua-hala Malaysia-RRC telah terus berkembang. Misalnya bagi tempoh antara 1983 hingga 1987, jumlah dagangan di antara kedua-dua negara mencatatkan peningkatan dari \$990.2 juta dalam 1983 ke \$1,645.9 juta dalam

1987. Dalam tempoh ini, eksport Malaysia ke RRC telah mencatatkan pertumbuhan dari \$364.4 juta ke \$702.8 juta. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 1988 sahaja, jumlah perdagangan Malaysia-RRC mencatatkan nilai \$1,422.9 juta dalam mana eksport Malaysia telah mencatatkan nilai \$637.9 juta.

Dari pecahan nilai eksport keluaran utama Malaysia untuk tempoh 1983 hingga 1987, adalah didapati secara keseluruhannya eksport Malaysia ke RRC terus meningkat. Umpamanya eksport keluaran getah asli telah meningkat dari \$241.1 juta pada 1983 ke \$316.5 juta pada 1987. Bagi kayu gergaji, untuk tahun 1983 nilai eksport Malaysia ialah sebanyak \$86.2 juta dan telah meningkat ke \$129.6 juta untuk tahun 1987. Keluaran minyak kelapa sawit mencatatkan pertambahan eksport dari \$6.3 juta pada tahun 1983 ke \$55.5 juta pada tahun 1987.

Sebagai makluman untuk Ahli Yang Berhormat, lawatan ke RRC atau sebaliknya bagi maksud perdagangan adalah secara terkawal dan terurus di mana ianya selaras dengan hubungan Kerajaan dengan Kerajaan. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa menyokong permohonan dari mana-mana pedagang Malaysia yang ingin melawat RRC untuk meningkatkan eksport Malaysia ke RRC. Setiap permohonan adalah diteliti terlebih dahulu untuk memastikan permohonan tersebut adalah bagi maksud perdagangan. Umpamanya, dalam tahun 1988 sahaja seramai 1,213 pedagang Malaysia telah menghadiri Pameran Perdagangan di Canton, berbanding dengan 1,161 permohonan pada tahun 1987. Untuk tahun yang sama juga, seramai 83 pedagang telah menghadiri Pameran Perdagangan di Dalian, berbanding dengan 62 pedagang di tahun sebelumnya. Di samping itu pihak

Kementerian juga telah membantu agensi-agensi Kerajaan dan swasta bagi menjayakan lawatan-lawatan secara berkumpulan atau secara individu. Untuk tahun 1988 sahaja tidak kurang dari 10 lawatan secara berkumpulan telah diadakan. Untuk tempoh yang sama juga sebanyak 54 lawatan perdagangan dari RRC ke Malaysia oleh pedagang-pedagang RRC telah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan-kenyataan yang disebutkan adalah jelas bahawa kita tidak mengabaikan perdagangan di antara Malaysia dengan RRC. Mana-mana pihak yang berhasrat untuk melawat ke RRC bagi tujuan perdagangan bolehlah berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pihak Kementerian sentiasa akan memberi layanan sewajarnya. Justeru itu, Kementerian amat memandang berat kenyataan di mana seandainya seseorang pedagang hendak ke RRC, ianya perlulah memberi rasuah. Saya ingin menasihatkan mana-mana pihak yang merasa teraniaya melaporkan kepada badan yang berkenaan yang ditubuhkan khas oleh pihak Kerajaan bagi membanteraskan kegiatan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan kepada beberapa isu tertentu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.